

**MAKLUMAT
RANCANGAN
PENGAJIAN
JARAK JAUH**

RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH

1.0 MAKLUMAT RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH

1.1 Pengenalan

Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) yang pertama di Malaysia telah ditawarkan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1971 dengan penawaran Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan. Pada tahun 1973 Rancangan Sarjana Muda Sains pula ditawarkan diikuti dengan Rancangan Sains Pemulihan pada tahun 1978. Pada tahun-tahun berikutnya pemantapan proses pengajaran-pembelajaran (P&P) secara jarak jauh telah dilakukan dengan memperkenalkan pelbagai sistem yang bersesuaian dengan RPJJ. Antara sistem yang diperkenalkan ialah sistem pengurusan RPJJ secara berpusat dan bersendirinya melalui penubuhan Pusat Pengajian Luar Kampus yang kemudiannya dinaiktaraf menjadi Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), pengwujudan kumpulan pensyarah teras penuh masa khusus untuk PPPJJ, penggunaan modul sendiri sebagai bahan asas P&P, pelaksanaan mod pengajian secara jarak jauh sepenuhnya tanpa keperluan menjalani tahun akhir di dalam kampus, pengenalan telesidang audio, telesidang audiografik, telesidang video, video streaming dan portal e-pembelajaran.

Pemantapan proses P&P dan juga pengurusan RPJJ disusuli dengan penawaran rancangan pengajian baharu pada pertengahan tahun 90'an. Tiga rancangan baharu yang ditawarkan itu ialah Rancangan Sarjana Muda Kejuruteraan pada tahun 1994, Rancangan Sarjana Muda Pendidikan pada tahun 1995 dan Rancangan Sarjana Muda Pengurusan pada tahun 1997. Seperti rancangan-rancangan sebelumnya, kesemua rancangan baharu yang ditawarkan adalah setara dengan rancangan yang diikuti oleh pelajar dalam kampus. Penawaran Rancangan Sarjana Muda Pendidikan dan Sarjana Muda Kejuruteraan tidak lagi diteruskan mulai tahun 2000.

Sistem pengajian RPJJ adalah secara sidang akademik iaitu bermula pada bulan September dan berakhir pada bulan Ogos tahun berikutnya. Mulai Sidang Akademik 2015/2016, jangkamasa pengajian rancangan Ijazah Sarjana Muda ialah 5 tahun (minimum) hingga 12 tahun (maksimum). Pelajar yang berjaya memenuhi semua syarat pengijazahan akan dianugerahkan satu daripada Ijazah Sarjana Muda berikut:

1. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
2. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
3. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
4. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

1.2 Objektif

Objektif RPJJ adalah untuk:

- membolehkan pelajar dewasa yang tidak mendapat peluang mengikuti pendidikan tinggi sepenuh masa dapat mengikuti pembelajaran hingga memperolehi kelayakan ijazah;
- membawa pendidikan tinggi ke kawasan yang kurang maju daripada segi ekonomi;
- memajukan daya pengeluaran pekerja yang telah mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kebolehan mereka;
- menawarkan satu program yang lebih menarik kepada kalangan ahli masyarakat yang sedang bekerja;
- mengenengahkan program yang mempunyai daya saing kepada program-program jarak jauh (atau yang seumpamanya) yang ditawarkan oleh institusi lain;
- memanfaatkan dan mencerminkan kemajuan teknologi dan kemajuan lain yang berkait dengan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh di USM.

1.3 Rancangan Ijazah Yang Ditawarkan

Rancangan Ijazah yang ditawarkan oleh USM melalui PPPJJ ialah:

(a) Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian

Pengkhususan utama (major) yang boleh diikuti di bawah rancangan pengajian ini ialah bidang Sejarah, Kesusasteraan atau Geografi. Pengkhususan kecil (minor) yang boleh diikuti ialah dalam bidang Ekonomi, Sains Politik, Antropologi/Sosiologi, Sejarah, Geografi, Kesusasteraan, Biologi, Fizik, Matematik, Kimia atau Pengurusan.

(b) Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan Kepujian

Pengkhususan utama (major) yang boleh diikuti di bawah rancangan pengajian ini ialah bidang Ekonomi, Sains Politik atau Antropologi-Sosiologi. Pengkhususan kecil (minor) yang boleh diikuti ialah dalam bidang Ekonomi, Sains Politik, Antropologi-Sosiologi, Sejarah, Geografi, Kesusasteraan, Biologi, Fizik, Matematik, Kimia atau Pengurusan.

(c) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian

Pengkhususan utama (major) yang boleh diikuti di bawah rancangan pengajian ini ialah bidang Biologi, Kimia, Fizik atau Matematik. Pengkhususan kecil (minor) ialah dalam bidang Sejarah, Geografi, Kesusasteraan, Antropologi-Sosiologi, Ekonomi, Sains Politik, Biologi, Kimia, Fizik, Matematik atau Pengurusan.

Mulai Sidang Akademik 2006/2007, pengajaran dan pembelajaran bagi kursus-kursus Sains dan Matematik dilaksanakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.

(d) Sarjana Muda Pengurusan dengan Kepujian

Rancangan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan merupakan pengajian pengurusan yang merangkumi kursus-kursus dalam bidang kewangan, perakaunan, pemasaran, pengurusan operasi, pengurusan sumber manusia dan pengurusan organisasi. Pelajar akan berpeluang membuat pengkhususan dalam bidang Kewangan, Organisasi dan Pemasaran pada tahun tiga dan empat. Bidang minor yang boleh diikuti ialah Sains Politik, Antropologi-Sosiologi, Ekonomi atau Matematik.

1.4 Jangka Masa Pengajian

Mulai Sidang Akademik 2015/2016, jangka masa minimum bagi menamatkan pengajian untuk kesemua Rancangan Pengajian ialah **5 tahun dan maksimum 12 tahun**. Pelajar yang mempunyai Diploma yang diiktiraf dengan PNGK yang baik boleh diberikan pengecualian unit untuk beberapa kursus dan akan dipertimbangkan mengikut kes.

1.5 Sistem Pengajian

Sistem pengajian menentukan kaedah pelajar mengikuti pengajian:

- (a) Pelajar USM yang berdaftar dengan PPPJJ akan mengikuti pengajian secara jarak jauh sepenuhnya.
- (b) Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menukar rancangan pengajian.
- (c) Pelajar yang mendaftar buat pertama kali **DIWAJIBKAN** menghadiri **Program Siswa Lestari**. Tawaran akan ditarik balik sekiranya pelajar tidak menghadiri program tersebut.
- (d) Pelajar **DIWAJIBKAN** mengikuti **Kursus Intensif di kampus Induk USM**, selama 2-3 minggu bagi setiap sidang akademik. Pelajar yang tidak hadir Kursus Intensif, boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir. Tarikh Kursus Intensif yang muktamad akan dimaklumkan kepada pelajar.

- (e) Pelajar **DIWAJIBKAN** memilih satu bidang **Major** dan satu bidang **Minor**.
- (f) Kehadiran ke kelas amali Sains di Kampus Induk USM dan Pusat Wilayah bagi pelajar Sains adalah **WAJIB**.
- (g) Pelajar dikehendaki mendaftar sebilangan kursus bagi setiap sidang akademik mengikut pola-pola tertentu tertakluk kepada bilangan unit minimum dan maksimum yang boleh didaftar pada setiap sidang akademik – Rujuk muka surat 39.
- (h) Pelajar yang gagal (F) dalam mana-mana kursus dan mendapat (C- ke bawah) dalam Kursus Universiti kecuali JUJ 103 **PERLU MENGULANG** kursus-kursus berkenaan pada mana-mana sidang akademik berikutnya, tertakluk kepada unit maksimum yang dibenarkan.
- (i) Pelajar yang telah lulus kursus dengan gred C dan ke atas **TIDAK DIBENARKAN** mengulang kursus tersebut.
- (j) Pelajar dibenarkan **menangguh** pengajian selama **tidak lebih daripada 3 sidang akademik berturut-turut**.
- (k) Setelah memenuhi keperluan tempoh minimum pengajian (peringkat ijazah) dan keperluan-keperluan pengijazahan (keperluan akademik), pelajar akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut rancangan pengajian masing-masing.

1.6 **Yuran

| Jenis Yuran | Sains | SK | Sastera | Pengurusan |
|-------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| YURAN TIDAK BERULANG | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) |
| 1. Yuran Pendaftaran | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |
| 2. Penginapan Suaikenal | 20.00 | 20.00 | 20.00 | 20.00 |
| 3. Kad Pintar | 60.00 | 60.00 | 60.00 | 60.00 |
| 4. Yuran Suaikenal | 200.00 | 200.00 | 200.00 | 200.00 |
| JUMLAH (A) | 380.00 | 380.00 | 380.00 | 380.00 |
| YURAN BERULANG | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) |
| 1. Yuran Pengajian* | 770.00 | 640.00 | 640.00 | 800.00 |
| 2. Yuran Kursus | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |
| 3. Yuran Modul | 400.00 | 300.00 | 300.00 | 400.00 |
| 4. Yuran Kegiatan Pelajar | 12.00 | 12.00 | 12.00 | 12.00 |
| 5. Yuran Penginapan Intensif* | 84.00 | 84.00 | 84.00 | 84.00 |
| 6. Yuran Peperiksaan | 50.00 | 50.00 | 50.00 | 50.00 |
| 7. Yuran Kesihatan | 15.00 | 15.00 | 15.00 | 15.00 |
| 8. Yuran Kebajikan | 5.00 | 5.00 | 5.00 | 5.00 |
| 9. Yuran Perpustakaan | 25.00 | 25.00 | 25.00 | 25.00 |
| JUMLAH (B) | 1,461.00 | 1,231.00 | 1,231.00 | 1,491.00 |
| JUMLAH BESAR (A + B) | 1,841.00 | 1,611.00 | 1,611.00 | 1,871.00 |

* Untuk warga emas, yuran pengajian dan yuran penginapan Intensif dikenakan separuh dari yuran yang dinyatakan di atas.

**Yuran tertakluk kepada perubahan

- a) Pelajar boleh membuat tuntutan bayaran balik yuran yang telah dibayar dalam keadaan seperti berikut:
- i. Tidak mendaftar
 - ii. Menarik diri
 - iii. Menangguh pengajian

*Jenis yuran yang boleh dikembalikan adalah seperti berikut:

| | | |
|----|---------------------|---|
| 1. | Tidak Mendaftar | ◆ Semua bayaran dikembalikan |
| 2. | Menarik Diri | ◆ Dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran, semua bayaran akan dipulangkan kecuali: - yuran tidak berulang ◆ 2 minggu selepas tarikh pendaftaran, semua bayaran akan dipulangkan kecuali: - yuran tidak berulang - separuh yuran pengajian ◆ Selepas Kursus Intensif, tiada bayaran dipulangkan |
| 3. | Menangguh Pengajian | ◆ Dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran, hanya yuran tidak berulang dikenakan, lain-lain yuran dikecualikan ◆ 2 minggu selepas tarikh pendaftaran, hanya yuran tidak berulang dan separuh yuran pengajian dikenakan, lain-lain yuran dikecualikan ◆ Selepas Kursus Intensif, semua yuran dikenakan |

**tertakluk kepada syarat dan perubahan*

- (b) Yuran Penginapan Semasa Kursus Intensif di Kampus Induk

Pelajar-pelajar dikenakan yuran penginapan semasa Kursus Intensif. Yuran tersebut mesti dijelaskan bersama-sama dengan yuran pengajian.

- (c) Tarikh Akhir Menjelaskan Yuran

Pelajar diberi kelonggaran membuat bayaran yuran secara ansuran dua kali sahaja untuk satu sidang akademik. Tarikh akhir menjelaskan yuran secara dua ansuran ini akan dimaklumkan oleh Seksyen Hasil dan Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari melalui laman web <http://campusonline.usm.my> dan portal e-pembelajaran. Pelajar juga boleh membuat ansuran secara bulanan sebelum tarikh akhir menjelaskan yuran.

- (d) Kaedah Bayaran Yuran

- (i) Pembayaran tunai di kaunter bank CIMB Bank Berhad di mana-mana cawangannya di Malaysia.

- (1) Cetak dua (2) salinan slip pembayaran dan bawa bersama kedua-dua slip pembayaran tersebut ke kaunter cawangan CIMB berdekatan untuk urusan pembayaran.
- (2) Sila dapatkan kembali satu salinan borang pembayaran yang lengkap dicetak dengan maklumat bayaran dari bank untuk simpanan/bukti pelajar.

- (ii) Pembayaran secara atas talian (E-PAYMENT)

- (1) Pembayaran boleh dilakukan secara pindahan tunai (FPX). Pastikan anda mempunyai kemudahan akaun perbankan internet untuk menggunakan FBX.
- (2) Pembayaran melalui kad kredit boleh juga dilakukan menggunakan kad VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan oleh mana-mana bank.

(e) Denda Lewat Membayar Yuran

Denda lewat sebanyak RM50.00 setiap satu ansuran dikenakan sekiranya bayaran dibuat selepas tarikh yang ditetapkan.

(f) Denda

Denda dikenakan kepada pelajar dalam kes berikut:

- (i) Denda bagi kehilangan Slip Peperiksaan/SEMGRED - RM5.00
- (ii) Denda bagi kelewatan mendaftar kursus - RM50.00
- (iii) Denda bagi gugur/tambah kursus - RM50.00

(g) Kredit

Sekiranya yuran yang dibayar melebihi jumlah yang telah ditetapkan, lebihan ini akan dikreditkan ke dalam akaun pelajar.

(h) Pertanyaan

Pertanyaan tentang yuran boleh dibuat melalui talian telefon: 04-653 3777, 04-653 3770

BAGI PELAJAR TAHUN 1, YURAN-YURAN BERKENAAN HENDAKLAH DIJELASKAN SEBELUM ATAU PADA TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN DALAM SURAT TAWARAN KEMASUKAN RPJJ.

2.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

2.1 Aktiviti Pembelajaran

Pada keseluruhannya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah merangkumi:

(a) Bahan Bercetak

Pembelajaran sendiri melibatkan pembelajaran melalui bahan yang ditulis khas (modul) atau buku teks terpilih. Pada umumnya, pelajar akan dibekalkan dengan modul sebagai bahan pembelajaran yang utama. Sebahagian bahan ini adalah dalam bentuk elektronik – e-modul atau *e-book* atau e-kuliah.

(b) Kelas Tele-Konference

Kelas tele-konference dikendalikan sendiri oleh pensyarah di PPPJJ melalui perkhidmatan sidang video atau sidang web (*web-conference*)

Kelas tele-konference bukanlah untuk penyampaian kuliah. Ianya adalah kelas perbincangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari pelajaran mereka di pusat-pusat wilayah.

Oleh yang demikian, pelajar mestilah menyediakan diri terlebih dahulu sebelum datang ke kelas sidang video. Rakaman setiap kuliah tele-konference akan dimuat-naik ke dalam portal e-pembelajaran.

(c) Portal E-Pembelajaran

Portal E-Pembelajaran disediakan untuk pelajar mengakses maklumat pembelajaran dan juga berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas. Alamat portal E-Pembelajaran: <http://elearning.usm.my/pppj>

(d) Kelas Amali

Terdapat beberapa kursus Biologi, Fizik dan Kimia yang mempunyai komponen amali. Kelas amali akan dijalankan di Pusat-Pusat Wilayah dan juga di kampus USM semasa Kursus Intensif.

(e) Peperiksaan Berterusan dan/atau Tugas

Semasa dalam pengajian, pelajar juga dikehendaki menyelesaikan tugas dan/atau menduduki peperiksaan berterusan yang dijalankan semasa Kursus Intensif atau di Pusat Wilayah.

(f) Kursus Intensif

Kursus Intensif akan diadakan selama 2-3 minggu pada sekitar bulan Januari/Februari. Semua pelajar diwajibkan hadir di Kampus Induk USM di Pulau Pinang. Aktiviti kursus intensif termasuklah kuliah, tutorial, amali, peperiksaan berterusan dan membuat rujukan di perpustakaan.

(g) Peperiksaan Akhir

Peperiksaan Akhir diadakan pada bulan Mei/Jun di beberapa tempat di seluruh Malaysia yang ditetapkan sebagai Pusat Peperiksaan untuk pelajar-pelajar PPPJJ.

2.2 Pusat Wilayah

Pusat Wilayah merupakan "nadi" untuk kegiatan pengajaran-pembelajaran PPPJJ dijalankan sepanjang sidang akademik. USM telah menubuhkan 12 buah Pusat Wilayah di seluruh negara. Pelajar-pelajar boleh mengikuti kelas sidang video dan/atau mengendalikan amali sains di Pusat-pusat Wilayah.

| Kod | Pusat Wilayah | Lokasi |
|------------|----------------------|--|
| 01 | - Pulau Pinang | - Universiti Sains Malaysia 11800 USM, Pulau Pinang |
| 02 | - Alor Setar | - Kolej Sultan Abdul Hamid Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah |
| 03 | - Ipoh | - Sek. Men. Keb. Wira Jaya 31350 Ipoh, Perak |
| 04 | - Kuala Lumpur | - Sek. Men. Sains Selangor Jalan Yacob Latif, Bandar Tun Razak 56000 Kuala Lumpur |
| 05 | - Johor Bahru | - Sek. Men. Keb. Seri Kota Puteri 2 Jalan Penaga, Taman Kota Puteri 81750 Johor Bahru, Johor |
| 06 | - Melaka | - Sek. Men. Keb. Tinggi Melaka Jalan Chan Koon Cheng, 75000 Melaka |
| 07 | - Kota Bharu | - Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan |
| 08 | - Kuantan | - Sek. Men. Keb. Sultan Abu Bakar Jalan Beserah, 25300 Kuantan, Pahang |
| 09 | - Kuching | - Kolej Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak |

| | | | | |
|----|---|------------------|---|--|
| 10 | - | Kota Kinabalu | - | Maktab Sabah, Peti Surat 10548 88000 Kota Kinabalu, Sabah |
| 11 | - | Kuala Terengganu | - | Sek. Men. Keb. Sultan Sulaiman 20400 Kuala Terengganu, Terengganu |
| 12 | - | Arau | - | Sek. Men. Keb. Agama Arau Jalan Syed Hassan, 02600 Arau, Perlis |

Tiap-tiap Pusat Wilayah adalah di bawah kelolaan seorang Pengetua Pusat Wilayah kecuali Pusat Wilayah Kota Bharu dan Pulau Pinang. Pengetua Pusat Wilayah dibantu oleh seorang Pengurus Pusat Wilayah yang berkhidmat sebagai orang perantara antara pihak Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM dengan pihak Pusat Wilayah, Pengajar Sambilan dan Persatuan Mahasiswa Jarak Jauh.

2.3 Kemudahan Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia mengadakan pelbagai perkhidmatan untuk pelajar Rancangan Pengajian Jarak Jauh.

(a) Perkhidmatan Pinjaman Melalui Pos.

Perkhidmatan ini amnya adalah untuk pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak berupaya untuk mendapatkan kemudahan lain. Mereka boleh meminjam buku terus dari Perpustakaan Universiti melalui pos dengan mengirimi terlebih dahulu wang pos sebanyak RM20.00 sebagai cagaran.

Walaupun bagaimanapun, pelajar dari semua pusat wilayah dibenarkan meminjam buku daripada koleksi Jarak Jauh di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

(b) Untuk meminjam buku-buku Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dari Perpustakaan-perpustakaan Pusat Wilayah, peraturan khas telah dibuat. Koleksi Buku-buku PPPJJ ditempatkan di:

- i. Perpustakaan Pusat Wilayah Alor Star
Kolej Sultan Abdul Hamid
Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah
- ii. Perpustakaan Pusat Wilayah Ipoh
Sek. Men. Keb. Wira Jaya
31350 Ipoh, Perak
- iii. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuala Lumpur
Sek. Men. Sains Selangor
Jalan Yacob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur
- iv. Perpustakaan Pusat Wilayah Johor Bahru
Sek. Men. Keb. Seri Kota Puteri 2
Jalan Penaga, Taman Kota Puteri
81750 Johor Bahru, Johor
- v. Perpustakaan Pusat Wilayah Melaka
Sek. Men. Keb. Tinggi Melaka
Jalan Chan Koon Cheng, 75000 Melaka
- vi. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuantan
Sek. Men. Keb. Sultan Abu Bakar
Jalan Besar, 25300 Kuantan, Pahang

- vii. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuala Terengganu
Sek. Men. Keb. Sultan Sulaiman
20400 Kuala Terengganu, Terengganu
- viii. Perpustakaan Perubatan Universiti Sains Malaysia
Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan
- ix. Perpustakaan Pusat Wilayah Kota Kinabalu
Maktab Sabah, Peti Surat 10548
88806 Kota Kinabalu, Sabah
- x. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuching
Kolej Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak
- xi. Perpustakaan Pusat Wilayah Arau
Sek. Men. Keb. Agama Arau
Jalan Syed Hassan
02600 Arau, Perlis

Pelajar boleh meminjam buku dari mana-mana perpustakaan pusat wilayah dan mengembalikan semula buku tersebut ke pusat wilayah yang berkenaan.

- (c) Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia

Pelajar boleh menggunakan koleksi Rancangan Pengajian Jarak Jauh dan kemudahan lain apabila mereka datang ke Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM. Semasa kursus intensif semua pelajar amat digalakkan menggunakan semaksimum mungkin kemudahan yang disediakan di perpustakaan ini.

- (d) Perkhidmatan fotokopi untuk artikel dan bab-bab tertentu daripada buku boleh dipohon daripada Perpustakaan Hamzah Sendut I, Universiti Sains Malaysia. Untuk mendapatkan kemudahan ini, pelajar dinasihatkan supaya menulis terus kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (Bahagian Koleksi Jarak Jauh), 11800 USM, Pulau Pinang (**04-6532922 Bahagian Koleksi Jarak Jauh**). Pelajar perlu mengirimitkan wang pos sebanyak RM20.00 sebagai cagaran dan semua bayaran fotokopi dan pos akan dikenakan kepada pelajar berkenaan.

3.0 SISTEM AKADEMIK

3.1 Takrifan

- (a) Unit

Tiap-tiap kursus diberi nilai yang dikenali sebagai **UNIT**. Unit yang diberikan berdasarkan skop kurikulum dan beban kerja pelajar dalam kursus yang berkenaan.

Pelajar dinasihatkan memperuntukkan masa pembelajaran bergantung kepada unit sesuatu kursus (**1 unit adalah setara dengan sekurang-kurangnya 40 jam masa pembelajaran bagi setiap kursus**).

- (b) Unit Kredit Terkumpul

Unit yang telah **didaftarkan dan lulus** dikenali sebagai **kredit**. Untuk berijazah, pelajar mesti mengumpulkan jumlah kredit yang ditetapkan bergantung kepada rancangan pengajian masing-masing.

3.2 Maklumat Pendaftaran Kursus

(a) Aktiviti Pendaftaran Kursus

PPPJJ memerlukan semua pelajar mendaftar kursus setiap sidang akademik. Pendaftaran dibuat setelah pelajar memperoleh keputusan peperiksaan akhir (kecuali pelajar tahun 1 yang perlu mendaftar semasa Program Siswa Lestari).

Pelajar diingatkan bahawa pendaftaran kursus merupakan pendaftaran yang rasmi dan muktamad. Oleh itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian untuk mengelakkan kesilapan yang boleh menimbulkan kesulitan:

- Kod Kursus
- Nilai Unit Kursus
- Kod Jenis Kursus
- Prasyarat Kursus
- Syarat Pusat Pengajian
- Unit Minimum dan Maksimum yang boleh didaftarkan

Pelajar perlu membuat perancangan untuk keseluruhan tempoh pengajian bagi memudahkan pendaftaran kursus-kursus dalam sesuatu sidang akademik.

Sebelum mendaftar kursus, pelajar hendaklah berbincang dengan Pengerusi Rancangan bagi menentukan kursus-kursus yang harus didaftarkan untuk sesuatu sidang akademik.

Panduan Pendaftaran untuk sidang akademik berikutnya akan dimaklumkan kepada pelajar selepas keputusan peperiksaan akhir melalui portal e-pembelajaran PPPJJ.

Pelajar-pelajar hendaklah merujuk panduan pendaftaran tersebut untuk memilih dan mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus untuk tujuan pendaftaran. Pendaftaran kursus dilakukan secara elektronik melalui sistem e-daftar KECUALI untuk pelajar Tahun 1 yang akan dilakukan semasa program Siswa Lestari.

(b) Klasifikasi Jenis Kursus

Pelajar dibenarkan mendaftar sesuatu kursus sekiranya memenuhi prasyarat bagi kursus tersebut [sekiranya ada]. Kursus yang didaftar untuk memenuhi keperluan struktur-struktur Rancangan Pengajian dibahagikan mengikut jenis-jenis seperti berikut:

- T - Kursus Teras
- E - Kursus Elektif
- M - Kursus Minor
- U - Kursus Universiti

-
- Y - Kursus Audit yang diambil semata-mata untuk menambahkan pengetahuan
 - Z - Kursus khas yang mesti mencapai sekurang-kurangnya gred 'C' [Lulus], sebelum dibenarkan mengambil kursus peringkat lebih tinggi [sebagai Prasyarat].

Prestasi/gred dalam kursus-kursus ini tidak diambil kira dalam pengiraan markah keseluruhan serta jumlah unit terhadap keperluan pengijazahan.

(c) Unit Minimum dan Maksimum Yang Boleh Didaftarkan Setiap Sidang Akademik

Pendaftaran Kursus Pelajar Bertaraf Lulus

Jumlah unit yang dibenarkan untuk setiap pelajar mendaftar adalah seperti berikut:

| Rancangan | Minimum | Maksimum |
|------------------------------|---------|----------|
| Sains | 10 | 26 |
| Sastera/Sains Kemasyarakatan | 10 | 27 |
| Pengurusan | 10 | 30 |

- (i) Had maksimum ini termasuk unit bagi kursus-kursus yang diulang dan kursus JUE 100.
- (ii) Had minimum dan maksimum ini adalah muktamad. Dekan tidak boleh melonggarkan ketetapan ini. Walau bagaimanapun, Dekan boleh membenarkan pelajar mendaftar jumlah unit yang kurang daripada had minimum hanya bagi pelajar yang telah melebihi tempoh minimum bermastautin.
- Pendaftaran Kursus Pelajar Bertaraf "Percubaan"

Pendaftaran kursus pada sesuatu sidang akademik oleh pelajar yang berada pada tahap "Percubaan" dihadkan seperti berikut:

| Taraf Akademik | Unit Maksimum |
|-------------------|---------------|
| Percubaan I [P1] | 16 unit |
| Percubaan II [P2] | 12 unit |

Rujuk muka surat 54 untuk takrifan 'Percubaan'.

- (d) Penarafan Tahun Pengajian Pelajar

Pelajar-pelajar [mengikut Rancangan Pengajian yang berkenaan] disamatarafkan sebagai pelajar tahun pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima berdasarkan jumlah kredit yang telah dikumpulkan seperti berikut:

| Rancangan Pengajian (Jumlah Kredit Untuk Berijazah) | Taraf Tahun Berasaskan Jumlah Kredit Terkumpul | | | | |
|--|---|---------|---------|----------|--------|
| | Pertama | Kedua | Ketiga | Keempat | Kelima |
| Sains (122 / 123 unit) | 0 – 25 | 26 - 49 | 50 - 75 | 76 - 101 | ≥102 |
| Sastera (124 unit) | 0 – 23 | 24 - 49 | 50 - 76 | 77 - 102 | ≥103 |
| Sains Kemasyarakatan (124 unit) | 0 – 23 | 24 - 48 | 49 - 74 | 75 - 100 | ≥101 |
| Pengurusan (136 unit) | 0 – 27 | 28 - 54 | 55 - 83 | 84 - 113 | ≥114 |

- (e) Slip Pengesahan Kursus

Slip Pengesahan Kursus yang diberikan selepas pendaftaran kursus hendaklah disemak dengan teliti untuk memastikan tiada kesilapan. Sebarang kesilapan mengenai pendaftaran kursus mesti dimaklumkan kepada PPPJJ dengan serta merta dalam tempoh aktiviti pendaftaran kursus.

- (f) Pengguguran Kursus

Pengguguran kursus tanpa sebarang alasan yang munasabah tidak dibenarkan selepas selesai aktiviti pendaftaran kursus. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan seperti berikut:

- (i) Pengguguran kursus boleh dibuat sehingga **hari ke-4 Kursus Intensif** dengan alasan-alasan yang kukuh dan perlu mendapat kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Antarabangsa) PPPJJ. Pelajar akan dikenakan denda RM50.00 untuk setiap permohonan.
 - (ii) Permohonan untuk menggugur kursus **selepas hari ke-4 Kursus Intensif tidak akan dipertimbangkan.**
 - (iii) Borang Gugur/Tambah Kursus mesti diisi oleh pelajar dan ditandatangani oleh Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Antarabangsa) PPPJJ dan disampaikan kepada Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Jabatan Pendaftar USM.
 - (iv) Kemudahan untuk menggugurkan kursus tidak boleh disalahgunakan. Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Antarabangsa) mempunyai hak untuk tidak memperakukan pelajar menggugurkan kursus sekiranya pelajar tidak serius terhadap kursus yang diambil seperti gagal menghadiri kuliah, tutorial dan amali dan tidak melaksanakan kerjaksusus. Pelajar yang sedemikian akan dihalang menduduki peperiksaan akhir dan diberi gred 'X'.
- (g) Pengemaskinian Rekod Akademik

Maklumat rekod akademik terkini dicetak dalam dokumen "CANGRED". Pelajar dinasihati supaya menyemak maklumat tersebut dan sekiranya perlu dikemaskinikan, pelajar hendaklah berbuat demikian melalui borang-borang tertentu yang dapat diperolehi di PPPJJ atau Seksyen Data & Rekod Pelajar [Aras 1], Jabatan Pendaftar, USM.

Menjadi **tanggungjawab** pelajar sendiri untuk mengemaskinikan **alamat** masing-masing sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam alamat penggal, alamat kecemasan dan alamat tetap. Pelajar juga digalakkan untuk memberi nombor telefon/telefon bimbit terkini dan e-mel peribadi supaya dapat dihubungi dengan cepat sekiranya terdapat keperluan.

(h) Penangguhan Pengajian

Memandangkan pelajar mengikuti pengajian bukan secara sepenuh masa dan kerana terdapatnya tuntutan-tuntutan pekerjaan dan peribadi (diri sendiri dan keluarga), kemudahan **Penangguhan Pengajian** akan dipertimbangkan dengan saksama.


- i. Pelajar dibenarkan menangguh pengajian selama tiga sidang akademik berturut-turut. Jumlah penangguhan pengajian tidak terbatas sekiranya pelajar tidak menangguh pengajian tiga kali berturut-turut.
- ii. Tarikh penentuan permulaan penangguhan pengajian (tujuan penetapan yuran) ialah **sama dengan tarikh penerimaan Borang Penangguhan Pengajian.**
- ii. Pelajar boleh menangguh pengajian atas sebab-sebab tertentu. Mereka akan diberikan taraf **Tidak Aktif** (dengan penalti ataupun tanpa penalti tertakluk kepada alasan yang diberikan).
 - **Dengan penalti** bermakna tahun penangguhan pengajian tersebut diambil kira ke dalam bilangan maksimum jangkamasa pengajian.
 - **Tanpa Penalti** bermakna tahun pengajian tersebut tidak diambil kira ke dalam bilangan maksimum jangka masa pengajian.
- iii. Pelajar yang menangguh pengajian dan tidak terhutang yuran akan secara automatik dijadikan pelajar **Aktif** pada sidang akademik berikutnya, kecuali sekiranya beliau memohon untuk menangguh pengajian seterusnya.

- iv. Pelajar yang menangguh pengajian dan terhutang yuran akan secara automatik diberi taraf pelajar **Tidak Aktif** dan diberikan penangguhan pengajian untuk sidang akademik berikutnya, tertakluk kepada jumlah tahun penangguhan pengajian tidak melebihi tiga sidang akademik berturut-turut.
- v. Pelajar yang **menangguh pengajian selepas sidang akademik bermula dan sebelum tamat Kursus Intensif akan dikenakan yuran separuh** manakala pelajar yang **menangguh pengajian selepas Kursus Intensif akan dikenakan yuran penuh**.
- vi. Pelajar yang menangguh pengajian selama tiga sidang akademik berturut-turut dan telah menjelaskan kesemua yuran akan dijadikan pelajar **Aktif** pada sidang akademik berikutnya.
- vii. Pelajar boleh memohon penangguhan pengajian untuk sidang berkenaan pada bila-bila masa **sebelum 13 April tahun berkenaan**.
- viii. Permohonan mestilah menggunakan "Borang Penangguhan Pengajian" yang boleh dimuat turun daripada e-portal PPPJJ atau mendapatkan borang tersebut di Pejabat Am PPPJJ. Borang yang telah diisi perlu dikepilkkan bersama dokumen sokongan dan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Dekan
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
- ix. Borang yang lengkap diisi dan telah dihantar oleh pelajar perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) PPPJJ terlebih dahulu. Borang yang telah diperakumkan akan dihantar ke Seksyen Data dan Rekod untuk tindakan seterusnya. Surat rasmi kelulusan penangguhan pengajian akan dikeluarkan kepada pelajar oleh Seksyen Data dan Rekod, USM.

3.3 Kod Kursus

Setiap kursus yang ditawarkan dilambangkan dengan suatu kod berbentuk ABC 123/4. Makna huruf/angka dalam kod tersebut adalah seperti berikut:



_____ { I = Sains
M = Sastera
K = Sains Kemasyarakatan
T/F/R/O = Pengurusan
.....
_____ J = Jarak Jauh

4.0 SISTEM PEPERIKSAAN

4.1 Penilaian Kursus dan Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir diadakan pada akhir setiap sidang akademik. Pelajar mesti menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan semasa pendaftaran kursus. Setiap pelajar mestilah terlebih dahulu menjelaskan semua yuran dan juga memenuhi syarat keperluan kuliah/tutorial/sidang video/amali dan keperluan-keperluan lain bagi setiap kursus sebelum layak menduduki peperiksaan akhir bagi kursus-kursus yang didaftarkan.

Penilaian kursus ditentukan berdasarkan prinsip penilaian secara berterusan yang terdiri daripada dua komponen iaitu:

- komponen kerja kursus
- peperiksaan akhir

Komponen kerja kursus boleh mengandungi aspek-aspek seperti penglibatan dalam tutorial, ujian, esei, projek, tugas dan peperiksaan berterusan.

4.2 Tempoh Peperiksaan Akhir

Tempoh masa peperiksaan akhir bergantung kepada unit kursus yang dinilai seperti berikut:

| Kursus Yang Bernilai | Tempoh Peperiksaan |
|----------------------|---|
| 2 unit | 1 jam untuk kerja kursus melebihi 40% |
| 2 unit | 2 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah |
| 3 unit atau lebih | 2 jam untuk kerja kursus melebihi 40% |
| 3 unit atau lebih | 3 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah |

4.3 Penghalangan Peperiksaan

Pelajar boleh dihalang daripada menduduki Peperiksaan Akhir sekiranya tidak memenuhi keperluan kursus seperti tidak hadir kuliah, tutorial dan sidang video dan tidak menyempurnakan keperluan komponen kerja kursus. **Pelajar juga boleh dihalang mengambil peperiksaan akhir sekiranya TIDAK menjelaskan yuran pengajian.** Kursus yang dihalang akan diberi gred 'X'.

4.4 Sistem Purata Nilai Gred (PNG)

Prestasi pelajar adalah dinilai berdasarkan sistem Purata Nilai Gred (PNG). Nilai gred adalah gred yang diperoleh oleh seseorang pelajar bagi kursus yang didaftar. Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus dinilai mengikut skala berikut:

| Gred | Nilai Gred |
|------|------------|
| A | 4.00 |
| A- | 3.67 |
| B+ | 3.33 |
| B | 3.00 |
| B- | 2.67 |
| C+ | 2.33 |
| C | 2.00 |
| C- | 1.67 |
| D+ | 1.33 |

| | |
|----|------|
| D | 1.00 |
| D- | 0.67 |
| F | 0.00 |

Pelajar yang mendapat gred 'C-' dan ke bawah boleh memperbaiki nilai grednya dengan mengulangi kursus itu pada sidang akademik berikutnya. Pelajar yang dapat gred 'C' dan ke atas **TIDAK** dibenarkan mengulangi kursus.

Pencapaian dalam satu sidang akademik dikira berdasarkan Purata Nilai Gred [PNG] yang diperoleh daripada semua kursus yang didaftarkan pada sidang akademik tersebut. PNG ialah ukuran untuk menentukan pencapaian Taraf Akademik pelajar bagi sesuatu sidang akademik.

PNGK ialah Purata Nilai Gred Kumulatif yang dikumpulkan oleh pelajar daripada satu sidang akademik ke satu sidang akademik pengajiannya.

Contoh kiraan PNG dan PNGK:

Peperiksaan Akhir Sidang Akademik 20X9/20X0

| Kursus | Unit | Gred (G) | Nilai Gred (NG) | Jumlah NG (Unit x NG) |
|---------------|-----------|----------|-----------------|--------------------------|
| ABC XX1 | 4 | B | 3.00 | 12.00 |
| ABC XX2 | 4 | C+ | 2.33 | 9.32 |
| BCD XX3 | 3 | C- | 1.67 | 5.01 |
| CDE XX4 | 4 | C | 2.00 | 8.00 |
| EFG XX5 | 3 | D+ | 1.33 | 3.99 |
| EFG XX6 | 2 | B- | 2.67 | 5.34 |
| JUMLAH | 20 | | | 43.66 |

$$\text{PNG} = \frac{43.66}{20} = 2.18$$

Contoh: Peperiksaan Akhir Sidang Akademik 20X0/20X1

| Kursus | Unit | Gred (G) | Nilai Gred (NG) | Jumlah NG |
|---------------|-----------|----------|-----------------|--------------|
| ABC XX7 | 3 | D | 1.00 | 3.00 |
| ABB XX8 | 4 | C+ | 2.33 | 9.32 |
| BBC XX9 | 4 | C | 2.00 | 8.00 |
| BCB X10 | 4 | B- | 2.67 | 10.68 |
| XYZ XX1 | 3 | B+ | 3.33 | 9.99 |
| JUMLAH | 18 | | | 40.99 |

$$\text{PNG} = \frac{40.99}{18} = 2.28$$

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= \frac{\text{Jumlah NG terkumpul}}{\text{Jumlah bil. unit terkumpul}} = \frac{43.66 + 40.99}{20 + 18} = \frac{84.65}{38} \\ &= 2.23 \end{aligned}$$

Dalam contoh di atas, PNGK dikira sebagai jumlah nilai gred terkumpul bagi semua kursus yang diambil, dibahagi dengan jumlah bilangan unit terkumpul yang didaftarkan.

4.5 Arahan/Peraturan Peperiksaan

- a. Calon-calun mesti mengambil perhatian teliti tentang jadual waktu peperiksaan dari segi tarikh, masa, tempat dan susunan tempat duduk untuk kertas-kertas peperiksaan masing-masing. Calon-calun dinasihatkan supaya sentiasa melihat papan-papan kenyataan sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap jadual waktu peperiksaan. Pindaan seperti itu, sekiranya ada, akan dicetak di atas kertas biru dan dipaparkan di papan kenyataan di Pusat-pusat Peperiksaan. Kesilapan membaca jadual waktu tidak diterima sebagai alasan untuk gagal menghadiri peperiksaan. [Calon akan diberi Gred F* dan tidak di benar mengambil peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang/Tambahan].
- b. Calon-calun mestilah tiba lebih awal daripada waktu peperiksaan dan membawa Kad Pengenalan, Kad Daftar Pelajar dan Slip Peperiksaan masing-masing. Calon-calun yang tidak mempunyai Slip Peperiksaan tidak dibenarkan masuk sehingga kelayakannya untuk mengambil peperiksaan itu dibuktikan. Calon-calun yang tidak mempunyai Kad Pengenalan akan dikehendaki meyakinkan Ketua Pengawas/Pengawas yang bertugas di Dewan Peperiksaan berkenaan dengan pengenalan diri mereka. Calon tidak akan di benar mengambil peperiksaan bagi kursus yang tidak tercatat di dalam Slip Peperiksaan. Slip peperiksaan adalah dokumen rasmi Universiti dan calon tidak dibenarkan menulis pada mana-mana bahagian di atas slip peperiksaan.
- c. Calon-calun tidak dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan sehingga Pengawas yang bertugas memberi isyarat untuk berbuat demikian. Biasanya calon-calun dibenarkan masuk sepuluh minit sebelum peperiksaan bermula. Setelah dibenarkan calon hendaklah mengambil tempat duduk dengan senyap dan teratur. Calon yang hadir lewat lebih dari setengah jam tidak dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan.
- d. Selepas berada di tempat masing-masing calon-calun dikehendaki :
 - [i] mengisi Borang Kehadiran dan meletakkannya di atas meja di sudut sebelah kanan;
 - [ii] meletak Kad Pengenalan dan Slip Peperiksaan di atas Borang Kehadiran yang telah dilengkapkan. Borang Kehadiran akan dipungut oleh Pengawas-Pengawas. Calon-calun diingatkan supaya menyimpan Kad Pengenalan dan Slip Peperiksaan mereka selepas disemak.
- e. Di atas kulit buku jawapan, Angka Giliran hendaklah ditulis dengan menggunakan ejaan dan juga angka seperti 'Satu Kosong Kosong Kosong Satu' [10001]. Calon-calun mesti menulis Angka Giliran dengan angka sahaja di atas semua kertas jawapan yang digunakan. Calon-calun dilarang menulis nama mereka di atas buku/kertas jawapan.
- f. Calon-calun yang **TIDAK** menulis Angka Giliran atau tersilap menulis Angka Giliran di buku jawapan/borang OMR, skrip jawapan berkenaan tidak akan diperiksa oleh pemeriksa dan calon-calun tidak akan menerima sebarang markah.
- g. Calon-calun diingatkan supaya meneliti dan mematuhi segala arahan yang tercatat di atas kulit buku jawapan. Catatan kasar mestilah dibuat di atas kertas jawapan sahaja. Buku Jawapan Tambahan akan dibekalkan kepada calon-calun sekiranya diminta. Semua kertas jawapan sama ada digunakan atau belum mestilah ditinggalkan di Dewan Peperiksaan. Calon-calun tidak dibenarkan membawa keluar buku jawapan dan/atau kertas jawapan dari Dewan Peperiksaan.
- h. Buku, kertas dokumen, nota atau gambar, kecuali bahan-bahan yang dibenarkan oleh pemeriksa tidak boleh dibawa masuk atau dibawa keluar oleh calon dari tempat peperiksaan. Semasa berada di tempat peperiksaan, calon boleh menerima daripada Pengawas buku-buku, kertas-kertas, dokumen-dokumen, gambar-gambar atau sebarang bahan yang telah dibenarkan oleh Dekan/Pengarah di atas nasihat pemeriksa atau Majlis Pemeriksa.

- i. Calon-calon **TIDAK** dibenarkan merokok di dalam Dewan Peperiksaan semasa peperiksaan.
- j. Calon-calon **TIDAK** dibenarkan membawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan sebarang jenis beg, telefon bimbit, dompet, kotak pensel, kotak geometri atau bekas lain. Mesin kira boleh dibawa masuk tanpa sarungnya sekiranya dibenarkan oleh pemeriksa. Sila ambil perhatian, penggunaan Kamus Elektronik semasa peperiksaan adalah dilarang. Calon-calon hanya boleh membawa masuk pen, pensel dan alat tulis lain yang dibenarkan sahaja.
- k. Calon-calon **TIDAK** dibenarkan berhubung di antara satu dengan lain semasa peperiksaan, sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Sekiranya calon ingin berhubung dengan Pengawas, beliau mestilah mengangkat tangan.
- l. Ketua Pengawas/Pengawas yang bertugas akan memberi isyarat yang nyata dan jelas untuk menandakan bahawa peperiksaan telah tamat. Sebaik sahaja isyarat ini diberikan, semua calon hendaklah berhenti menulis.
- m. Calon-calon adalah bertanggungjawab untuk mengikat buku jawapan [sekiranya perlu] dan terus berada di tempat masing-masing sehingga skrip jawapan dikutip oleh Ketua Pengawas/Pengawas dan calon-calon hanya dibenarkan keluar dari Dewan Peperiksaan setelah dimaklumkan oleh Ketua Pengawas/Pengawas.
- n. Calon-calon hanya dibenarkan meninggalkan tempat peperiksaan selepas setengah jam peperiksaan bermula. Walau bagaimanapun, tidak seorang calon pun dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan lima belas minit sebelum tamat peperiksaan.
- o. Calon-calon yang jatuh sakit semasa peperiksaan sedang berlangsung mestilah melaporkannya kepada Pengawas yang bertugas di Dewan Peperiksaan dengan secepat mungkin.
- p. Calon-calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan bagi mana-mana kertas yang didaftarkanya hendaklah memberi alasan ketidakhadiran ke peperiksaan akhir secara bertulis kepada Pendaftar [melalui Timbalan Pendaftar, Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan].
- q. Sekiranya seseorang calon didapati meniru/menipu ataupun mempunyai bahan-bahan yang tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam Dewan Peperiksaan semasa peperiksaan diadakan, tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil terhadap calon yang berkenaan. Sekiranya seseorang calon disyaki meniru/menipu ia boleh disingkir dari Universiti.
- r. Calon-calon yang gagal menghadiri kesemua kertas peperiksaan tanpa sebab yang dapat diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti ataupun tanpa kelulusan pihak Universiti terlebih dahulu, akan dianggap gagal di dalam keseluruhan peperiksaan dan boleh dikeluarkan daripada Senarai Pelajar Berdaftar Universiti.
- s. Bagi calon-calon yang mengalami masalah kesihatan, sila dapatkan nasihat Pengarah, Pusat Sejahtera [Pusat Perubatan dan Pergigian] Universiti Sains Malaysia atau hospital/klinik kerajaan.

4.6 Pusat Peperiksaan Wilayah

- a. Pusat-pusat peperiksaan untuk Peperiksaan Akhir adalah seperti berikut:

| <u>Kod</u> | <u>Pusat Peperiksaan Akhir</u> |
|------------|---------------------------------|
| 01 | Alor Setar |
| 02 | Pulau Pinang (Kampus Induk USM) |
| 03 | Ipoh |
| 04 | Shah Alam |
| 05 | Melaka |
| 06 | Johor Bahru |

| | |
|----|------------------|
| 07 | Kota Bharu |
| 08 | Kuala Terengganu |
| 09 | Kuantan |
| 10 | Kuching |
| 11 | Sibu |
| 12 | Miri |
| 13 | Kota Kinabalu |

- b. Tempat peperiksaan akhir dan alamat lengkap akan dimaklumkan kepada calon sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum peperiksaan akhir bermula. Sila rujuk portal PPPJJ atau laman sesawang Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan <http://registry.usm.my/portalreg/bpa/peperiksaan.htm>. Sebarang pertanyaan berhubung dengan peperiksaan akhir pelajar dinasihatkan berhubung terus kepada:

Timbalan Pendaftar
Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

Talian telefon: 04-653 3888 samb. 3479 / 3121 / 3069 / 3074

Talian Bilik Operasi: 04-653 3888 samb. 4310 / 4311

Telefaks: 04-657 3409

- c. Pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan di Pusat Peperiksaan seperti mana yang dinyatakan dalam slip peperiksaan masing-masing sahaja. Sebarang **permohonan untuk pertukaran pusat peperiksaan** hanya akan dibenarkan **sebelum tamat Kursus Intensif bagi Sidang Akademik** tersebut. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang pertukaran pusat peperiksaan akhir.

4.7 Pengesahan Pendaftaran Kursus, Pusat Peperiksaan dan Alamat Surat-Menyurat

Satu aktiviti yang **diwajibkan** bagi pelajar jarak jauh semasa menghadiri Kursus Intensif di kampus USM ialah **pemilihan atau pertukaran pusat peperiksaan akhir** dan **penyemakan alamat surat menyurat**. Pelajar dinasihatkan meneliti dan menyemak maklumat-maklumat tersebut sebelum menandatangani borang berkenaan.

Berhubung dengan Pendaftaran Kursus, pelajar mesti menyemak dengan teliti kod dan jenis kursus yang didaftarkan pada sidang semasa. Pengguguran kursus hanya dibenarkan selewat-lewatnya hari keempat Kursus Intensif bermula.

4.8 Pengeluaran Slip Peperiksaan

Semua pelajar diwajibkan mencetak slip peperiksaan masing-masing melalui portal Kampus Sejahtera [<http://campusonline.usm.my>]. Setiap pelajar perlu mempunyai **SLIP PEPERIKSAAN** untuk menduduki peperiksaan. Pelajar RPJJ yang tidak mempunyai slip peperiksaan tidak dibenarkan memasuki dewan peperiksaan.

Antara maklumat penting yang tertera di atas slip peperiksaan ialah maklumat-maklumat kursus yang didaftarkan untuk peperiksaan dan nama Pusat Peperiksaan Akhir calon berdaftar. Perlu diingatkan bahawa calon-calon hanya dibenarkan menduduki peperiksaan di Pusat Peperiksaan Akhir yang tertera di atas slip peperiksaan akhir calon sahaja.

4.9 Kelayakan Mengambil Peperiksaan

- (a) Syarat-Syarat
- (i) Pelajar dibenarkan mengambil peperiksaan bagi kursus-kursus yang dinyatakan di atas slip peperiksaan sahaja.
 - (ii) Pelajar-pelajar yang disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian telah menyempurnakan tugas/kerja kursus dengan memuaskan.
 - (iii) Pelajar-pelajar yang disahkan oleh Jabatan Bendahari telah menjelaskan yuran pengajian dan tidak mempunyai hutang dengan Universiti.

Sila ambil perhatian bahawa pelajar-pelajar yang **TIDAK** memenuhi perkara (i), (ii) dan (iii) di atas boleh dihalang daripada mengambil peperiksaan.

- (b) Keputusan Peperiksaan Bagi Kursus-Kursus Yang Dihalang:

| | | |
|---------------------------------------|---|--------|
| (i) Gred untuk komponen kerja kursus | = | Gred X |
| (ii) Gred untuk komponen peperiksaan | = | Gred X |
| (iii) Gred untuk Penilaian Akhir (FA) | = | Gred X |

- (c) Pengiraan PNG dan PNGK

Kursus yang diberi Gred X akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Nilai PNG adalah untuk menentukan taraf akademik pelajar pada sidang berkenaan dan nilai PNGK adalah untuk menentukan keperluan pelajar untuk berijazah.

- (d) Sekatan (Penalti) Ke Atas Kursus Yang Diberi Gred X

- (i) Tidak dibenarkan mengambil peperiksaan tambahan atau KSCP.
- (ii) Dikenakan tindakan disiplin oleh Majlis Peperiksaan Universiti. Pelajar akan diberi amaran dan boleh ditamatkan pengajian.

4.10 Jadual Waktu Peperiksaan Akhir

- (a) Tarikh peperiksaan akhir akan diumumkan oleh pihak Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan dalam portal Kampus Sejahtera [<http://campusonline.usm.my>].

- (b) Pelajar dibenarkan membuat bantahan terhadap Jadual Waktu Peperiksaan Akhir sekiranya berlaku kes-kes berikut:

- (i) Pertindihan masa bagi kursus yang didaftar.
- (ii) Kursus yang dijadualkan melebihi 4 kali berturutan tanpa selang masa (*4 in a row*).

- (c) Atas permintaan pelajar. Permohonan perlu memenuhi kriteria berikut:

- (i) Persetujuan pensyarah yang menyelaras dan mengajar kursus tersebut.
- (ii) Disahkan oleh Dekan Pusat Pengajian.

Walau bagaimanapun pindaan tidak dapat dilakukan sekiranya terdapat kekangan dari segi kapasiti dewan, pertindihan kursus dan "*4 in a row*".

- (iii) Pindaan Jadual Waktu Peperiksaan Akhir dan Pusat-Pusat Peperiksaan Akhir.

Sebarang pindaan Jadual Waktu Peperiksaan dan Pusat-Pusat Peperiksaan Akhir akan dimaklumkan kepada pelajar melalui portal Kampus Sejahtera [<http://campusonline.usm.my>] selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan akhir bermula.

4.11 Penalti Tidak Menduduki Peperiksaan

Calon yang tidak menghadiri peperiksaan untuk mana-mana kursus perlu mengemukakan alasan secara bertulis berserta dengan dokumen yang sah [Sijil Cuti Sakit hendaklah dikeluarkan oleh Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian USM) atau hospital/klินิก kerajaan] dalam tempoh 7 HARI selepas peperiksaan kertas berkenaan dijalankan. Semua surat tunjuk sebab perlu dihantar kepada:

Timbalan Pendaftar
Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

Alasan yang dikemukakan akan ditimbang dan diperakukan seperti berikut:

- (a) Bagi alasan yang diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti, calon akan diberi Gred DK [Dengan Kebenaran]. Gred DK akan dikecualikan di dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- (b) Calon-calon yang gagal menduduki peperiksaan akhir sesuatu kursus atas sebab-sebab berikut akan diberi Gred F*.

| | | |
|------|---|---|
| TAKP | - | Tidak Ambil Slip [Kad] Peperiksaan |
| SLJW | - | Silap Lihat Jadual Waktu |
| THTA | - | Tidak Hadir Tanpa Alasan |
| ADT | - | Alasan Ditolak Oleh Majlis Peperiksaan Universiti |

Gred F* akan diambilkira di dalam pengiraan PNG dan PNGK dan calon tidak dibenarkan menduduki Peperiksaan Tambahan/KSCP.

4.12 Peperiksaan Tambahan/Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP)

- (a) Peperiksaan tambahan/Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP) hanya ditawarkan kepada pelajar tahun akhir yang akan berijazah. Pelajar hanya boleh menduduki tidak lebih daripada tiga (3) kursus.
- (b) Pelajar tahun akhir yang mendapat Gred X dan F* **TIDAK** dibenarkan mengambil peperiksaan tambahan/KSCP. Pelajar terbabit terpaksa mengulang kursus berkenaan pada sidang akademik berikutnya. Peperiksaan tambahan/KSCP hanya akan diadakan di Kampus Induk USM Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching sahaja.

4.13 Penyemakan Semula Kertas Peperiksaan

Sekiranya seorang pelajar benar-benar ragu terhadap keputusan peperiksaannya, beliau boleh merayu supaya pihak Universiti menyemak semula keputusan peperiksaan bagi kertas tertentu. Perlu dimaklumkan bahawa penyemakan semula ini akan hanya melibatkan pengesahan sama ada skrip jawapan telah disemak dan diberi markah secara konsisten dan penghitungan jumlah markah adalah betul. Skrip jawapan tersebut tidak akan dinilai/diperiksa semula. Mengikut peraturan Universiti, seseorang pelajar yang ingin memohon keputusan peperiksaannya disemak semula akan dikenakan bayaran sebanyak RM25.00 bagi setiap kertas peperiksaan. Bayaran itu hendaklah dibuat di atas nama **Bendahari, Universiti Sains Malaysia** dan dimajukan kepada Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan untuk proses selanjutnya. Sekiranya penyemakan semula telah menghasilkan pindaan kepada markah dan gred, maka bayaran yang dikenakan itu dapat dituntut kembali dengan mengemukakan resit asal. Semua rayuan mesti dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada:

Timbalan Pendaftar
Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik

Rayuan perlu mengandungi Nama Penuh, Alamat, No. Pendaftaran, Angka Giliran, Kursus, Tahun Pengajian, Peperiksaan Akhir serta kod dan tajuk kertas yang berkenaan. Sebagai syarat, semua rayuan hendaklah diterima oleh Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan dalam masa **empat minggu selepas** keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan. Rayuan yang diterima selepas daripada jangkamasa tersebut tidak akan dipertimbangkan.

4.14 Mengulangi Kursus

Pelajar yang gagal dalam mana-mana kursus perlu mengulangi kursus-kursus yang mereka gagal pada Sidang Akademik berikutnya, tertakluk kepada unit maksimum yang dibenarkan.

Mereka juga perlu mengulangi semula keseluruhan komponen kerja kursus kecuali amali (bagi pelajar Sains sahaja dan tidak melebihi tiga sidang akademik berturut-turut) dan dikehendaki hadir di kelas-kelas sidang video.

Walau bagaimanapun, di dalam rekod akademiknya masih ditunjukkan bilangan seseorang pelajar itu mengulang bagi sesuatu kursus.

Memandangkan PNGK dan PNGK (AT) minimum untuk berijazah ialah 2.00, pelajar dinasihati agar merancang secara jangka panjang sama ada mereka mahu mengulang/tidak mengulang kursus-kursus yang mereka mendapat gred C- ke D-. Sekiranya didapati PNGK sudah baik (contohnya 2.50 dan ke atas) maka pelajar mungkin tidak perlu mengulang kursus yang mempunyai gred C- ke D-. (Walau bagaimanapun kursus TISA, Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Hubungan Etnik, Teras Keusahawanan, perlu diulang secara automatik sekiranya gred yang didapati kurang daripada C).

Sebaliknya sekiranya PNGK tidak baik (contohnya kurang daripada 2.25), pelajar disarankan mengulang kursus-kursus yang mereka dapat C- ke D-. Ini dikhuatiri pada tahun-tahun yang berikutnya apabila pelajar itu mendapat gred C- ke D- untuk kursus-kursus lain, maka terdapat kemungkinan PNGK akan menurun sehingga kurang daripada 2.00. Sekiranya itu berlaku, maka pelajar perlu mengulang kembali kursus-kursus berkaitan sehinggalah PNGK dapat dinaikkan semula ke paras melebihi 2.00.

4.15 Taraf Akademik

Taraf Lulus - Seseorang pelajar yang berjaya mendapat PNG 2.00 dan ke atas dalam peperiksaan sesuatu sidang akademik akan diberi taraf LULUS dan dibenarkan meneruskan pengajian dalam sidang akademik yang berikutnya.

Taraf Percubaan - Taraf percubaan dikenakan kepada pelajar-pelajar yang memperoleh PNG 1.99 dan ke bawah. Seseorang pelajar yang berada dalam taraf percubaan tiga sidang akademik berturut-turut (P1, P2, FO) tidak akan dibenarkan meneruskan pengajiannya di Universiti ini. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai PNGK ialah 2.00 dan ke atas, pelajar dibenarkan meneruskan pengajian dan taraf akademik pelajar ialah L.

Dengan tiada prasangka kepada syarat di atas serta syarat-syarat peperiksaan yang sedia ada, Majlis Peperiksaan Universiti mempunyai kuasa mutlak untuk memberhentikan pengajian seseorang pelajar sekiranya prestasi dan kemajuannya dianggap tidak memuaskan berpandukan pada bilangan minimum unit kredit terkumpul sejajar dengan bilangan sidang akademik yang dihabiskan oleh seseorang pelajar.

Majlis Peperiksaan Universiti juga boleh menamatkan pengajian seseorang pelajar atas sebab-sebab tertentu (**Tidak Mendaftar Kursus, Tidak Mengambil Kad Peperiksaan, Tidak Hadir Peperiksaan Tanpa Alasan, Alasan Tidak Hadir Peperiksaan yang ditolak**), termasuk alasan perubatan, yang menyebabkan pelajar tersebut tidak lagi sesuai untuk meneruskan pengajiannya di Universiti ini.

4.16 Keputusan Peperiksaan

Keputusan peperiksaan (Bergred) hanya akan diumumkan selepas Majlis Peperiksaan Universiti bersidang dan semua pelajar Ijazah Pertama Program Pengajian Jarak Jauh boleh menyemak keputusan peperiksaan (Bergred) melalui portal Campus Online [campusonline.usm.my] pada tarikh yang ditetapkan.

5.0 STRUKTUR PENGAJIAN

5.1 Struktur Kursus

Struktur kursus bergantung kepada program akademik yang diambil yang terdiri daripada:

1. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
2. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
3. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
4. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

Kursus-kursus dibahagikan kepada EMPAT bungkusan dengan kod tertentu iaitu:

| | |
|----------|----------------|
| T | Kursus Teras |
| E | Kursus Elektif |
| M | Minor |
| U | Universiti |

Definisi kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

- Teras** - Kursus Teras merupakan bungkusan kursus **WAJIB** yang melambangkan pengkhususan (**major**) sesuatu bidang. Bungkusan bagi sesuatu pengkhususan mengandungi kursus Teras dan Elektif.
- Elektif** - Kursus yang memperkuatkan major.
- Minor** - Pelajar dibenarkan mengambil Minor daripada mana-mana bidang Minor yang ditawarkan oleh PPPJJ, sama ada di luar daripada Rancangan Pengajian ataupun di dalam Rancangan Pengajian masing-masing berdasarkan kepada bungkusan yang telah ditetapkan.
- Kursus Universiti** - Kursus Universiti adalah kursus-kursus yang perlu diambil oleh semua pelajar PPPJJ.

Jadual berikut memberikan jumlah unit yang perlu dikumpulkan bagi setiap kelompok kursus sesuai dengan program akademik yang diambil oleh pelajar:

| | Ijazah Sarjana Muda Sains | Ijazah Sarjana Muda Sastera | Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan |
|----------------|---------------------------|-----------------------------|--|--------------------------------|
| Teras (T) | 71 – 72* | 73 | 73 | 79 |
| Elektif (E) | 12 | 12 | 12 | 16 |
| Minor (M) | 20 | 20 | 20 | 20 |
| Universiti (U) | 19 | 19 | 19 | 21 |
| Jumlah | 122 – 123* | 124 | 124 | 136 |

*Fizik (72 unit - 123)

5.2 Kursus Bahasa

Kursus Bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah sebahagian daripada bungkusan kursus universiti. Setiap pelajar perlu mendaftar **sekurang-kurang 6 unit kursus bahasa** yang terdiri daripada 2 unit kursus Bahasa Malaysia dan 4 unit kursus Bahasa Inggeris.

(a) Kursus Bahasa Malaysia (2 unit)

JUL 401/2 – Bahasa Malaysia IV

- Dua (2) unit kursus Bahasa Malaysia adalah wajib dan akan dikira terhadap pengijazahan. Pelajar **perlu lulus dengan gred C dan ke atas**.

JUL 301/2 – Bahasa Malaysia III

- Kursus Bahasa Malaysia III adalah kursus **pra-syarat** (Kod Z) yang hanya **dikhaskan kepada pelajar warga emas yang tidak mendapat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM** sahaja. **Perlu lulus dengan gred C dan ke atas**. Sebagai kursus pra-syarat, **pelajar perlu lulus kursus ini terlebih dahulu sebelum boleh mendaftar JUL 401/2**.

(b) Kursus Bahasa Inggeris (4 unit)

Empat (4) unit Kursus Bahasa Inggeris adalah **wajib** dan akan dikira terhadap pengijazahan. Setiap kursus **perlu lulus dengan gred C dan ke atas** (rujuk Syarat Pendaftaran Kursus Bahasa Inggeris perkara (d) di bawah.)

(c) MUET

Mulai Sidang Akademik 2017/2018, pelajar **perlu mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET)** untuk syarat am memohon kemasukan ke RPJJ.

(d) Syarat Pendaftaran Kursus Bahasa Inggeris

Pelajar diwajibkan mengambil kursus Bahasa Inggeris bergantung kepada keputusan MUET. Pelajar yang mendapat MUET Band 2 dan 3 perlu mengambil kursus JUE 100/2 terlebih dahulu. Kursus JUE 100/2 adalah kursus pra-syarat Bahasa Inggeris iaitu kursus ini tidak akan dikira dalam unit pengijazahan tetapi pelajar **perlu lulus dengan sekurang-kurangnya gred C** sebelum boleh mengambil kursus-kursus Bahasa Inggeris yang lain.

Pelajar perlu mengambil kursus Bahasa Inggeris berdasarkan kelayakan MUET mengikut jadual seperti di bawah:

| Bil | Keputusan MUET | Kursus Bahasa Inggeris | Status Kursus | Syarat Lulus |
|-----|--|---|---|--------------|
| 1. | MUET (Band 2/3 - Skor 0-179) | <i>JUE 100/2 – Preparatory English</i> <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i> | Prasyarat (Tiada Unit) Wajib Wajib | C C C |
| 2. | MUET (Band 4 - Skor 180-219) | <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i> | Wajib Wajib | C C |
| 3. | MUET (Band 5 - Skor 220-259) (Band 6 - Skor 260-300) | <i>JUE 300/2 – English II</i> <i>JUE 402/2 – Writing for Professional Purposes</i> | Wajib Wajib | C C |

5.3 Kursus-Kursus Universiti Lain

(a) JUT 101/2 – Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TISA)

Perlu lulus dengan **sekurang-kurangnya gred C dan ke atas**.

- (b) JUH 101/2 – Hubungan Etnik
Perlu lulus dengan **sekurang-kurangnya gred C dan ke atas.**
- (c) JUU 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer
- (d) JUS 101/2 – Teras Keusahawanan
Perlu lulus dengan **sekurang-kurangnya gred C dan ke atas.**

Pelajar Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan diambil mulai sidang akademik 2014/2015 dan pelajar Sarjana Muda Sains dan Pengurusan diambil mulai sidang akademik 2015/2016, perlu mengambil tambahan 4 unit kursus universiti iaitu:

- (e) JUH 102/2 – Pemikiran Kritis
Perlu lulus dengan **sekurang-kurangnya gred C dan ke atas.**
- (f) JUR 101/2 – Etika Profesional
Perlu lulus dengan **sekurang-kurangnya gred C dan ke atas.**
- (g) JUW 106E/2 – *Business Communication* (untuk pelajar major Pengurusan sahaja)

5.4 Pengecualian Kredit

Pengecualian kredit ialah sejumlah kredit yang diberikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di USM yang dikecualikan daripada keperluan pengijazahan. Pelajar perlu mengumpulkan hanya sejumlah baki kredit tertentu bagi tujuan pengijazahan. Kelulusan atau gred kursus yang dikumpulkan atau diperolehi di USM sahaja yang diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi tujuan pengijazahan. Syarat pengecualian kredit diambil kira adalah seperti berikut:

- a. Untuk Pelajar Lulusan Diploma Daripada IPT Awam dan IPT Swasta Yang Diiktiraf
 - (i) Kursus peringkat ijazah pertama USM yang dipohon untuk mendapatkan pengecualian kredit hendaklah kursus yang setara dengan peringkat diploma.
 - (ii) Kursus peringkat diploma boleh digabungkan (meliputi satu atau lebih) bagi mendapatkan pengecualian untuk satu kursus di peringkat universiti.
 - (iii) Pencapaian minimum pada peringkat diploma yang boleh dipertimbangkan untuk pengecualian ialah sekurang-kurangnya gred C.
 - (iv) Jumlah pengecualian sidang akademik adalah tidak melebihi 1 sidang akademik.
- b. Untuk Pelajar Lulusan Daripada IPTA/IPTS Yang Diiktirafkan Sama Ada Dari Dalam Atau Luar Negara.

Bagi pelajar dari IPTA/IPTS yang diiktirafkan sama ada dari dalam atau luar negara yang memohon melanjutkan pengajian di USM dalam peringkat pengajian yang sama.

- (i) Kursus yang telah diikuti di IPTA/IPTS terdahulu adalah setara dengan kursus yang diikuti di USM.
- (ii) Jumlah maksimum pengecualian kredit tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keperluan unit pengijazahan.
- c. Jumlah Pengecualian Sidang Akademik

Pengecualian sidang akademik bergantung pada jumlah pengecualian unit seperti berikut:

| Program | Keperluan Unit Pengijazahan | Jumlah Unit Dikecualikan | Jumlah Sidang Akademik dikecualikan |
|---------|-----------------------------|--------------------------|-------------------------------------|
|---------|-----------------------------|--------------------------|-------------------------------------|

| | | | |
|---------|---------------------------|------------|-------|
| 5 tahun | 122/123* / 124* / 136* | <24 *(27)* | Tiada |
| | | ≥24 (27)* | 1 |

* Sains (122/123 unit), Sastera/Sains Kemasyarakatan (124 unit), Rancangan Pengurusan (136 unit)

Permohonan pengecualian unit perlu menggunakan borang pengecualian unit berserta salinan transkrip akademik yang disahkan dan sinopsis kursus peringkat Diploma IPTA/IPTS berkenaan. Tarikh akhir permohonan pengecualian unit ialah pada **7 September tahun berkenaan**. Permohonan tidak lengkap dan lewat tidak akan dipertimbangkan oleh pihak PPPJJ.

5.5 Pemindahan Kredit

Pemindahan kredit ialah pengiktirafan sejumlah unit yang diperolehi oleh pelajar USM yang mengikuti kursus di sesebuah IPTA lain dalam tempoh pengajiannya di USM. Syarat yang ditetapkan ialah:

- (a) Pemindahan kredit hanya dipertimbangkan bagi unit yang diperolehi daripada kursus di IPTA lain yang setara dengan kursus yang ditawarkan oleh program berkenaan kecuali kursus elektif atau opsyen.
- (b) Kursus yang boleh dipindahkan hanyalah kursus-kursus yang mempunyai bilangan unit yang sama atau lebih. Bagi kursus yang setara tetapi unitnya kurang, pemindahan unit boleh diperakukan dengan menggabungkan beberapa kursus.
- (c) Gred bagi kursus yang digabungkan tersebut akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
- (d) Bilangan maksimum unit yang boleh dipindahkan tidak melebihi satu pertiga daripada keseluruhan bilangan unit pengajian.
- (e) Pemindahan kredit daripada IPTA lain hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi semua IPTA.
- (f) Pelajar dikehendaki mendaftar kursus di IPTA lain tidak kurang daripada jumlah unit minimum serta tidak melebihi unit maksimum yang ditetapkan mengikut program pengajian mereka, kecuali mendapat kebenaran khas Dekan bagi pelajar yang mendaftar kurang daripada unit minimum.
- (g) Pelajar yang telah memohon dan diluluskan pemindahan kredit tidak dibenarkan membatalkan kelulusan tersebut setelah keputusan peperiksaan diperolehi.

6.0 SYARAT PENGIJAZAHAN

Pelajar mesti memenuhi syarat-syarat berikut untuk berijazah:

- (a) Memenuhi syarat minimum tempoh bermastautin.
- (b) Menepati semua keperluan kredit bagi program pengajian, seperti bilangan kredit keseluruhan dan bilangan kredit untuk setiap komponen pengajian [Teras, Minor, Elektif, dan Keperluan Universiti].
- (c) Memperoleh PNGK 2.00 ke atas untuk komponen Teras – PNGK (AT).
- (d) Memperoleh PNGK 2.00 ke atas untuk keseluruhan rancangan.
- (e) Mencapai minimum gred C atau nilai gred 2.00 untuk kursus-kursus berikut:
 - i. **Bahasa Malaysia**
 - ii. **Bahasa Inggeris**
 - iii. **TISA**
 - iv. **Hubungan Etnik**

- v. **Teras Keusahawanan**
- vi. **Pemikiran Kritis**
- vii. **Etika Profesional**

(f) Mendaftar sekurang-kurangnya 3 kursus berbahasa Inggeris bagi pelajar rancangan Sains, Sastera, Sains Kemasyarakatan dan Pengurusan.

7.0 PERTUKARAN RANCANGAN PENGAJIAN

Pengurusan Pertukaran Rancangan Pengajian (PRP) adalah dibawah Seksyen Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia.

Permohonan pelajar secara bertulis perlu dihantar terlebih dahulu kepada:

Dekan
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

Permohonan yang telah diperakukan oleh Dekan PPPJJ akan dihantar ke Seksyen Pengambilan Pelajar untuk diproses dan juga perlu mendapat kelulusan Timbalan Naib Canselor (Bahagian Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa). Caj yuran permohonan akan dikenakan seperti di bawah dan caj tersebut perlu dibayar kepada Jabatan Bendahari, USM. Resit bayaran asal perlu diserahkan kepada Seksyen Pengambilan Pelajar. Caj yang dikenakan seperti kadar berikut:

| Kategori Permohonan | Kadar (RM) |
|---|------------|
| Permohonan pertama | 100.00 |
| Permohonan lanjut (gagal permohonan terdahulu) | 100.00 |
| Permohonan lanjut (berjaya permohonan terdahulu) | 500.00 |
| Pertukaran mod pengajian (Penuh Masa ke Jarak Jauh) | 500.00 |

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Portal campus online

Portal campus on-line (<https://campusonline.usm.my/>) menggabungkan pelbagai aplikasi atas talian yang terdapat di USM. Proses pendaftaran kursus secara e-daftar boleh dilakukan melalui portal campus on-line. Selain itu, pelajar boleh menyemak taraf akademik, nilai PNG, nilai PNGK, status tahun pengajian, cangred (iaitu perisian yang membolehkan pelajar menyemak jumlah unit terkumpul, jumlah unit mengikut komponen Teras, Elektif, Minor dan Kursus Universiti dan jumlah unit yang diperlukan untuk pengijazahan), menyemak jadual peperiksaan serta mencetak slip peperiksaan.

8.2 Portal e-pembelajaran

Portal e-pembelajaran (<http://elearning.usm.my/pppj>) ialah platform Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS – Learning Management System) berasaskan perisian Moodle yang diguna oleh PPPJJ dalam mengurus sistem pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan pembelajaran bersifat digital akan dimuat-naik melalui portal ini. Selain daripada itu, portal ini akan turut memuatkan perancangan akademik, soalan-soalan tugas, kuiz, rakaman sidang video dan lain-lain bahan yang difikirkan sesuai untuk dibaca oleh pelajar-pelajar. Melalui portal ini pelajar juga boleh berinteraksi dengan pengurus kursus atau dengan sesama pelajar yang lain melalui ruang forum yang terdapat dalam portal ini.

Sesuai dengan fungsinya sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), melalui portal ini pelajar boleh juga memuat-turun borang-borang berkaitan (umpamanya borang pertukaran kursus, borang menukar major-minor, borang menangguh pengajian, borang keputusan MUET, borang bahan pembelajaran tidak lengkap, borang pertukaran alamat). Terdapat juga beberapa panduan penggunaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang dimasukkan ke dalam portal ini.

Bagi sebahagian kursus, penyerahan tugas secara atas talian (e-Tugasan) boleh dilakukan melalui portal ini.

8.3 Perisian e-Pos

Pelajar akan dapat menjejak perjalanan bahan-bahan pembelajaran yang dihantar melalui pos menggunakan perisian e-Pos yang boleh dicapai melalui sesawang <http://pospj.usm.my/parcel/>.

**MAKLUMAT
RANCANGAN
PENGAJIAN
JARAK JAUH**

RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH

1.0 MAKLUMAT RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH

1.1 Pengenalan

Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) yang pertama di Malaysia telah ditawarkan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1971 dengan penawaran Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan. Pada tahun 1973 Rancangan Sarjana Muda Sains pula ditawarkan diikuti dengan Rancangan Sains Pemulihan pada tahun 1978. Pada tahun-tahun berikutnya pemantapan proses pengajaran-pembelajaran (P&P) secara jarak jauh telah dilakukan dengan memperkenalkan pelbagai sistem yang bersesuaian dengan RPJJ. Antara sistem yang diperkenalkan ialah sistem pengurusan RPJJ secara berpusat dan bersendirinya melalui penubuhan Pusat Pengajian Luar Kampus yang kemudiannya dinaiktaraf menjadi Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), pengwujudan kumpulan pensyarah teras penuh masa khusus untuk PPPJJ, penggunaan modul sendiri sebagai bahan asas P&P, pelaksanaan mod pengajian secara jarak jauh sepenuhnya tanpa keperluan menjalani tahun akhir di dalam kampus, pengenalan telesidang audio, telesidang audio grafik, telesidang video, video streaming dan portal e-pembelajaran.

Pemantapan proses P&P dan juga pengurusan RPJJ disusuli dengan penawaran rancangan pengajian baharu pada pertengahan tahun 90'an. Tiga rancangan baharu yang ditawarkan itu ialah Rancangan Sarjana Muda Kejuruteraan pada tahun 1994, Rancangan Sarjana Muda Pendidikan pada tahun 1995 dan Rancangan Sarjana Muda Pengurusan pada tahun 1997. Seperti rancangan-rancangan sebelumnya, kesemua rancangan baharu yang ditawarkan adalah setara dengan rancangan yang diikuti oleh pelajar dalam kampus. Penawaran Rancangan Sarjana Muda Pendidikan dan Sarjana Muda Kejuruteraan tidak lagi diteruskan mulai tahun 2000.

Sistem pengajian RPJJ adalah secara sidang akademik iaitu bermula pada bulan September dan berakhir pada bulan Ogos tahun berikutnya. Mulai Sidang Akademik 2015/2016, jangka masa pengajian rancangan Ijazah Sarjana Muda ialah 5 tahun (minimum) hingga 12 tahun (maksimum). Pelajar yang berjaya memenuhi semua syarat pengijazahan akan dianugerahkan satu daripada Ijazah Sarjana Muda berikut:

1. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
2. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
3. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
4. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

1.2 Objektif

Objektif RPJJ adalah untuk:

- membolehkan pelajar dewasa yang tidak mendapat peluang mengikuti pendidikan tinggi sepenuh masa dapat mengikuti pembelajaran hingga memperolehi kelayakan ijazah;
- membawa pendidikan tinggi ke kawasan yang kurang maju daripada segi ekonomi;
- memajukan daya pengeluaran pekerja yang telah mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kebolehan mereka;
- menawarkan satu program yang lebih menarik kepada kalangan ahli masyarakat yang sedang bekerja;
- mengenengahkan program yang mempunyai daya saing kepada program-program jarak jauh (atau yang seumpamanya) yang ditawarkan oleh institusi lain;
- memanfaatkan dan mencerminkan kemajuan teknologi dan kemajuan lain yang berkait dengan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh di USM.

1.3 Rancangan Ijazah Yang Ditawarkan

Rancangan Ijazah yang ditawarkan oleh USM melalui PPPJJ ialah:

(a) Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian

Pengkhususan utama (major) yang boleh diikuti di bawah rancangan pengajian ini ialah bidang Sejarah, Kesusasteraan atau Geografi. Pengkhususan kecil (minor) yang boleh diikuti ialah dalam bidang Ekonomi, Sains Politik, Antropologi/Sosiologi, Sejarah, Geografi, Kesusasteraan, Biologi, Fizik, Matematik, Kimia atau Pengurusan.

(b) Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan Kepujian

Pengkhususan utama (major) yang boleh diikuti di bawah rancangan pengajian ini ialah bidang Ekonomi, Sains Politik atau Antropologi-Sosiologi. Pengkhususan kecil (minor) yang boleh diikuti ialah dalam bidang Ekonomi, Sains Politik, Antropologi-Sosiologi, Sejarah, Geografi, Kesusasteraan, Biologi, Fizik, Matematik, Kimia atau Pengurusan.

(c) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian

Pengkhususan utama (major) yang boleh diikuti di bawah rancangan pengajian ini ialah bidang Biologi, Kimia, Fizik atau Matematik. Pengkhususan kecil (minor) ialah dalam bidang Sejarah, Geografi, Kesusasteraan, Antropologi-Sosiologi, Ekonomi, Sains Politik, Biologi, Kimia, Fizik, Matematik atau Pengurusan.

Mulai Sidang Akademik 2006/2007, pengajaran dan pembelajaran bagi kursus-kursus Sains dan Matematik dilaksanakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.

(d) Sarjana Muda Pengurusan dengan Kepujian

Rancangan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan merupakan pengajian pengurusan yang merangkumi kursus-kursus dalam bidang kewangan, perakaunan, pemasaran, pengurusan operasi, pengurusan sumber manusia dan pengurusan organisasi. Pelajar akan berpeluang membuat pengkhususan dalam bidang Kewangan, Organisasi dan Pemasaran pada tahun tiga dan empat. Bidang minor yang boleh diikuti ialah Sains Politik, Antropologi-Sosiologi, Ekonomi atau Matematik.

1.4 Jangka Masa Pengajian

Mulai Sidang Akademik 2015/2016, jangka masa minimum bagi menamatkan pengajian untuk kesemua Rancangan Pengajian ialah **5 tahun dan maksimum 12 tahun**. Pelajar yang mempunyai Diploma yang diiktiraf dengan PNGK yang baik boleh diberikan pengecualian unit untuk beberapa kursus dan akan dipertimbangkan mengikut kes.

1.5 Sistem Pengajian

Sistem pengajian menentukan kaedah pelajar mengikuti pengajian:

- (a) Pelajar USM yang berdaftar dengan PPPJJ akan mengikuti pengajian secara jarak jauh sepenuhnya.
- (b) Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menukar rancangan pengajian.
- (c) Pelajar yang mendaftar buat pertama kali **DIWAJIBKAN** menghadiri **Program Siswa Lestari**. Tawaran akan ditarik balik sekiranya pelajar tidak menghadiri program tersebut.
- (d) Pelajar **DIWAJIBKAN** mengikuti **Kursus Intensif di kampus Induk USM**, selama 2-3 minggu bagi setiap sidang akademik. Pelajar yang tidak hadir Kursus Intensif, boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir. Tarikh Kursus Intensif yang muktamad akan dimaklumkan kepada pelajar.

- (e) Pelajar **DIWAJIBKAN** memilih satu bidang **Major** dan satu bidang **Minor**.
- (f) Kehadiran ke kelas amali Sains di Kampus Induk USM dan Pusat Wilayah bagi pelajar Sains adalah **WAJIB**.
- (g) Pelajar dikehendaki mendaftar sebilangan kursus bagi setiap sidang akademik mengikut pola-pola tertentu tertakluk kepada bilangan unit minimum dan maksimum yang boleh didaftar pada setiap sidang akademik – Rujuk muka surat 39.
- (h) Pelajar yang gagal (F) dalam mana-mana kursus dan mendapat (C- ke bawah) dalam Kursus Universiti kecuali JUJ 103 **PERLU MENGULANG** kursus-kursus berkenaan pada mana-mana sidang akademik berikutnya, tertakluk kepada unit maksimum yang dibenarkan.
- (i) Pelajar yang telah lulus kursus dengan gred C dan ke atas **TIDAK DIBENARKAN** mengulang kursus tersebut.
- (j) Pelajar dibenarkan **menangguh** pengajian selama **tidak lebih daripada 3 sidang akademik berturut-turut**.
- (k) Setelah memenuhi keperluan tempoh minimum pengajian (peringkat ijazah) dan keperluan-keperluan pengijazahan (keperluan akademik), pelajar akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut rancangan pengajian masing-masing.

1.6 **Yuran

| Jenis Yuran | Sains | SK | Sastera | Pengurusan |
|-------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| YURAN TIDAK BERULANG | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) |
| 1. Yuran Pendaftaran | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |
| 2. Penginapan Suaikenal | 20.00 | 20.00 | 20.00 | 20.00 |
| 3. Kad Pintar | 60.00 | 60.00 | 60.00 | 60.00 |
| 4. Yuran Suaikenal | 200.00 | 200.00 | 200.00 | 200.00 |
| JUMLAH (A) | 380.00 | 380.00 | 380.00 | 380.00 |
| YURAN BERULANG | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) |
| 1. Yuran Pengajian* | 770.00 | 640.00 | 640.00 | 800.00 |
| 2. Yuran Kursus | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |
| 3. Yuran Modul | 400.00 | 300.00 | 300.00 | 400.00 |
| 4. Yuran Kegiatan Pelajar | 12.00 | 12.00 | 12.00 | 12.00 |
| 5. Yuran Penginapan Intensif* | 84.00 | 84.00 | 84.00 | 84.00 |
| 6. Yuran Peperiksaan | 50.00 | 50.00 | 50.00 | 50.00 |
| 7. Yuran Kesihatan | 15.00 | 15.00 | 15.00 | 15.00 |
| 8. Yuran Kebajikan | 5.00 | 5.00 | 5.00 | 5.00 |
| 9. Yuran Perpustakaan | 25.00 | 25.00 | 25.00 | 25.00 |
| JUMLAH (B) | 1,461.00 | 1,231.00 | 1,231.00 | 1,491.00 |
| JUMLAH BESAR (A + B) | 1,841.00 | 1,611.00 | 1,611.00 | 1,871.00 |

* Untuk warga emas, yuran pengajian dan yuran penginapan Intensif dikenakan separuh dari yuran yang dinyatakan di atas.

**Yuran tertakluk kepada perubahan

- a) Pelajar boleh membuat tuntutan bayaran balik yuran yang telah dibayar dalam keadaan seperti berikut:
- i. Tidak mendaftar
 - ii. Menarik diri
 - iii. Menangguh pengajian

*Jenis yuran yang boleh dikembalikan adalah seperti berikut:

| | | |
|----|---------------------|---|
| 1. | Tidak Mendaftar | ◆ Semua bayaran dikembalikan |
| 2. | Menarik Diri | ◆ Dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran, semua bayaran akan dipulangkan kecuali: - yuran tidak berulang ◆ 2 minggu selepas tarikh pendaftaran, semua bayaran akan dipulangkan kecuali: - yuran tidak berulang - separuh yuran pengajian ◆ Selepas Kursus Intensif, tiada bayaran dipulangkan |
| 3. | Menangguh Pengajian | ◆ Dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendaftaran, hanya yuran tidak berulang dikenakan, lain-lain yuran dikecualikan ◆ 2 minggu selepas tarikh pendaftaran, hanya yuran tidak berulang dan separuh yuran pengajian dikenakan, lain-lain yuran dikecualikan ◆ Selepas Kursus Intensif, semua yuran dikenakan |

**tertakluk kepada syarat dan perubahan*

- (b) Yuran Penginapan Semasa Kursus Intensif di Kampus Induk

Pelajar-pelajar dikenakan yuran penginapan semasa Kursus Intensif. Yuran tersebut mesti dijelaskan bersama-sama dengan yuran pengajian.

- (c) Tarikh Akhir Menjelaskan Yuran

Pelajar diberi kelonggaran membuat bayaran yuran secara ansuran dua kali sahaja untuk satu sidang akademik. Tarikh akhir menjelaskan yuran secara dua ansuran ini akan dimaklumkan oleh Seksyen Hasil dan Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari melalui laman web <http://campusonline.usm.my> dan portal e-pembelajaran. Pelajar juga boleh membuat ansuran secara bulanan sebelum tarikh akhir menjelaskan yuran.

- (d) Kaedah Bayaran Yuran

- (i) Pembayaran tunai di kaunter bank CIMB Bank Berhad di mana-mana cawangannya di Malaysia.

- (1) Cetak dua (2) salinan slip pembayaran dan bawa bersama kedua-dua slip pembayaran tersebut ke kaunter cawangan CIMB berdekatan untuk urusan pembayaran.
- (2) Sila dapatkan kembali satu salinan borang pembayaran yang lengkap dicetak dengan maklumat bayaran dari bank untuk simpanan/bukti pelajar.

- (ii) Pembayaran secara atas talian (E-PAYMENT)

- (1) Pembayaran boleh dilakukan secara pindahan tunai (FPX). Pastikan anda mempunyai kemudahan akaun perbankan internet untuk menggunakan FBX.
- (2) Pembayaran melalui kad kredit boleh juga dilakukan menggunakan kad VISA/MASTERCARD yang dikeluarkan oleh mana-mana bank.

(e) Denda Lewat Membayar Yuran

Denda lewat sebanyak RM50.00 setiap satu ansuran dikenakan sekiranya bayaran dibuat selepas tarikh yang ditetapkan.

(f) Denda

Denda dikenakan kepada pelajar dalam kes berikut:

- (i) Denda bagi kehilangan Slip Peperiksaan/SEMGRED - RM5.00
- (ii) Denda bagi kelewatan mendaftar kursus - RM50.00
- (iii) Denda bagi gugur/tambah kursus - RM50.00

(g) Kredit

Sekiranya yuran yang dibayar melebihi jumlah yang telah ditetapkan, lebihan ini akan dikreditkan ke dalam akaun pelajar.

(h) Pertanyaan

Pertanyaan tentang yuran boleh dibuat melalui talian telefon: 04-653 3777, 04-653 3770

BAGI PELAJAR TAHUN 1, YURAN-YURAN BERKENAAN HENDAKLAH DIJELASKAN SEBELUM ATAU PADA TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN DALAM SURAT TAWARAN KEMASUKAN RPJJ.

2.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

2.1 Aktiviti Pembelajaran

Pada keseluruhannya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah merangkumi:

(a) Bahan Bercetak

Pembelajaran sendiri melibatkan pembelajaran melalui bahan yang ditulis khas (modul) atau buku teks terpilih. Pada umumnya, pelajar akan dibekalkan dengan modul sebagai bahan pembelajaran yang utama. Sebahagian bahan ini adalah dalam bentuk elektronik – e-modul atau *e-book* atau e-kuliah.

(b) Kelas Tele-Konference

Kelas tele-konference dikendalikan sendiri oleh pensyarah di PPPJJ melalui perkhidmatan sidang video atau sidang web (*web-conference*)

Kelas tele-konference bukanlah untuk penyampaian kuliah. Ianya adalah kelas perbincangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari pelajaran mereka di pusat-pusat wilayah.

Oleh yang demikian, pelajar mestilah menyediakan diri terlebih dahulu sebelum datang ke kelas sidang video. Rakaman setiap kuliah tele-konference akan dimuat-naik ke dalam portal e-pembelajaran.

(c) Portal E-Pembelajaran

Portal E-Pembelajaran disediakan untuk pelajar mengakses maklumat pembelajaran dan juga berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas. Alamat portal E-Pembelajaran: <http://elearning.usm.my/pppj>

(d) Kelas Amali

Terdapat beberapa kursus Biologi, Fizik dan Kimia yang mempunyai komponen amali. Kelas amali akan dijalankan di Pusat-Pusat Wilayah dan juga di kampus USM semasa Kursus Intensif.

(e) Peperiksaan Berterusan dan/atau Tugas

Semasa dalam pengajian, pelajar juga dikehendaki menyelesaikan tugas dan/atau menduduki peperiksaan berterusan yang dijalankan semasa Kursus Intensif atau di Pusat Wilayah.

(f) Kursus Intensif

Kursus Intensif akan diadakan selama 2-3 minggu pada sekitar bulan Januari/Februari. Semua pelajar diwajibkan hadir di Kampus Induk USM di Pulau Pinang. Aktiviti kursus intensif termasuklah kuliah, tutorial, amali, peperiksaan berterusan dan membuat rujukan di perpustakaan.

(g) Peperiksaan Akhir

Peperiksaan Akhir diadakan pada bulan Mei/Jun di beberapa tempat di seluruh Malaysia yang ditetapkan sebagai Pusat Peperiksaan untuk pelajar-pelajar PPPJJ.

2.2 Pusat Wilayah

Pusat Wilayah merupakan "nadi" untuk kegiatan pengajaran-pembelajaran PPPJJ dijalankan sepanjang sidang akademik. USM telah menubuhkan 12 buah Pusat Wilayah di seluruh negara. Pelajar-pelajar boleh mengikuti kelas sidang video dan/atau mengendalikan amali sains di Pusat-pusat Wilayah.

| Kod | Pusat Wilayah | Lokasi |
|------------|----------------------|--|
| 01 | - Pulau Pinang | - Universiti Sains Malaysia 11800 USM, Pulau Pinang |
| 02 | - Alor Setar | - Kolej Sultan Abdul Hamid Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah |
| 03 | - Ipoh | - Sek. Men. Keb. Wira Jaya 31350 Ipoh, Perak |
| 04 | - Kuala Lumpur | - Sek. Men. Sains Selangor Jalan Yacob Latif, Bandar Tun Razak 56000 Kuala Lumpur |
| 05 | - Johor Bahru | - Sek. Men. Keb. Seri Kota Puteri 2 Jalan Penaga, Taman Kota Puteri 81750 Johor Bahru, Johor |
| 06 | - Melaka | - Sek. Men. Keb. Tinggi Melaka Jalan Chan Koon Cheng, 75000 Melaka |
| 07 | - Kota Bharu | - Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan |
| 08 | - Kuantan | - Sek. Men. Keb. Sultan Abu Bakar Jalan Beserah, 25300 Kuantan, Pahang |
| 09 | - Kuching | - Kolej Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak |

| | | | | |
|----|---|------------------|---|--|
| 10 | - | Kota Kinabalu | - | Maktab Sabah, Peti Surat 10548 88000 Kota Kinabalu, Sabah |
| 11 | - | Kuala Terengganu | - | Sek. Men. Keb. Sultan Sulaiman 20400 Kuala Terengganu, Terengganu |
| 12 | - | Arau | - | Sek. Men. Keb. Agama Arau Jalan Syed Hassan, 02600 Arau, Perlis |

Tiap-tiap Pusat Wilayah adalah di bawah kelolaan seorang Pengetua Pusat Wilayah kecuali Pusat Wilayah Kota Bharu dan Pulau Pinang. Pengetua Pusat Wilayah dibantu oleh seorang Pengurus Pusat Wilayah yang berkhidmat sebagai orang perantara antara pihak Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM dengan pihak Pusat Wilayah, Pengajar Sambilan dan Persatuan Mahasiswa Jarak Jauh.

2.3 Kemudahan Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia mengadakan pelbagai perkhidmatan untuk pelajar Rancangan Pengajian Jarak Jauh.

(a) Perkhidmatan Pinjaman Melalui Pos.

Perkhidmatan ini amnya adalah untuk pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak berupaya untuk mendapatkan kemudahan lain. Mereka boleh meminjam buku terus dari Perpustakaan Universiti melalui pos dengan mengirimi terlebih dahulu wang pos sebanyak RM20.00 sebagai cagaran.

Walaupun bagaimanapun, pelajar dari semua pusat wilayah dibenarkan meminjam buku daripada koleksi Jarak Jauh di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

(b) Untuk meminjam buku-buku Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dari Perpustakaan-perpustakaan Pusat Wilayah, peraturan khas telah dibuat. Koleksi Buku-buku PPPJJ ditempatkan di:

- i. Perpustakaan Pusat Wilayah Alor Star
Kolej Sultan Abdul Hamid
Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah
- ii. Perpustakaan Pusat Wilayah Ipoh
Sek. Men. Keb. Wira Jaya
31350 Ipoh, Perak
- iii. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuala Lumpur
Sek. Men. Sains Selangor
Jalan Yacob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur
- iv. Perpustakaan Pusat Wilayah Johor Bahru
Sek. Men. Keb. Seri Kota Puteri 2
Jalan Penaga, Taman Kota Puteri
81750 Johor Bahru, Johor
- v. Perpustakaan Pusat Wilayah Melaka
Sek. Men. Keb. Tinggi Melaka
Jalan Chan Koon Cheng, 75000 Melaka
- vi. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuantan
Sek. Men. Keb. Sultan Abu Bakar
Jalan Besar, 25300 Kuantan, Pahang

- vii. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuala Terengganu
Sek. Men. Keb. Sultan Sulaiman
20400 Kuala Terengganu, Terengganu
- viii. Perpustakaan Perubatan Universiti Sains Malaysia
Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan
- ix. Perpustakaan Pusat Wilayah Kota Kinabalu
Maktab Sabah, Peti Surat 10548
88806 Kota Kinabalu, Sabah
- x. Perpustakaan Pusat Wilayah Kuching
Kolej Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak
- xi. Perpustakaan Pusat Wilayah Arau
Sek. Men. Keb. Agama Arau
Jalan Syed Hassan
02600 Arau, Perlis

Pelajar boleh meminjam buku dari mana-mana perpustakaan pusat wilayah dan mengembalikan semula buku tersebut ke pusat wilayah yang berkenaan.

- (c) Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia

Pelajar boleh menggunakan koleksi Rancangan Pengajian Jarak Jauh dan kemudahan lain apabila mereka datang ke Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM. Semasa kursus intensif semua pelajar amat digalakkan menggunakan semaksimum mungkin kemudahan yang disediakan di perpustakaan ini.

- (d) Perkhidmatan fotokopi untuk artikel dan bab-bab tertentu daripada buku boleh dipohon daripada Perpustakaan Hamzah Sendut I, Universiti Sains Malaysia. Untuk mendapatkan kemudahan ini, pelajar dinasihatkan supaya menulis terus kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (Bahagian Koleksi Jarak Jauh), 11800 USM, Pulau Pinang (**04-6532922 Bahagian Koleksi Jarak Jauh**). Pelajar perlu mengirimitkan wang pos sebanyak RM20.00 sebagai cagaran dan semua bayaran fotokopi dan pos akan dikenakan kepada pelajar berkenaan.

3.0 SISTEM AKADEMIK

3.1 Takrifan

- (a) Unit

Tiap-tiap kursus diberi nilai yang dikenali sebagai **UNIT**. Unit yang diberikan berdasarkan skop kurikulum dan beban kerja pelajar dalam kursus yang berkenaan.

Pelajar dinasihatkan memperuntukkan masa pembelajaran bergantung kepada unit sesuatu kursus (**1 unit adalah setara dengan sekurang-kurangnya 40 jam masa pembelajaran bagi setiap kursus**).

- (b) Unit Kredit Terkumpul

Unit yang telah **didaftarkan dan lulus** dikenali sebagai **kredit**. Untuk berijazah, pelajar mesti mengumpulkan jumlah kredit yang ditetapkan bergantung kepada rancangan pengajian masing-masing.

3.2 Maklumat Pendaftaran Kursus

(a) Aktiviti Pendaftaran Kursus

PPPJJ memerlukan semua pelajar mendaftar kursus setiap sidang akademik. Pendaftaran dibuat setelah pelajar memperoleh keputusan peperiksaan akhir (kecuali pelajar tahun 1 yang perlu mendaftar semasa Program Siswa Lestari).

Pelajar diingatkan bahawa pendaftaran kursus merupakan pendaftaran yang rasmi dan muktamad. Oleh itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian untuk mengelakkan kesilapan yang boleh menimbulkan kesulitan:

- Kod Kursus
- Nilai Unit Kursus
- Kod Jenis Kursus
- Prasyarat Kursus
- Syarat Pusat Pengajian
- Unit Minimum dan Maksimum yang boleh didaftarkan

Pelajar perlu membuat perancangan untuk keseluruhan tempoh pengajian bagi memudahkan pendaftaran kursus-kursus dalam sesuatu sidang akademik.

Sebelum mendaftar kursus, pelajar hendaklah berbincang dengan Pengerusi Rancangan bagi menentukan kursus-kursus yang harus didaftarkan untuk sesuatu sidang akademik.

Panduan Pendaftaran untuk sidang akademik berikutnya akan dimaklumkan kepada pelajar selepas keputusan peperiksaan akhir melalui portal e-pembelajaran PPPJJ.

Pelajar-pelajar hendaklah merujuk panduan pendaftaran tersebut untuk memilih dan mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus untuk tujuan pendaftaran. Pendaftaran kursus dilakukan secara elektronik melalui sistem e-daftar KECUALI untuk pelajar Tahun 1 yang akan dilakukan semasa program Siswa Lestari.

(b) Klasifikasi Jenis Kursus

Pelajar dibenarkan mendaftar sesuatu kursus sekiranya memenuhi prasyarat bagi kursus tersebut [sekiranya ada]. Kursus yang didaftar untuk memenuhi keperluan struktur-struktur Rancangan Pengajian dibahagikan mengikut jenis-jenis seperti berikut:

- T - Kursus Teras
- E - Kursus Elektif
- M - Kursus Minor
- U - Kursus Universiti

-
- Y - Kursus Audit yang diambil semata-mata untuk menambahkan pengetahuan
 - Z - Kursus khas yang mesti mencapai sekurang-kurangnya gred 'C' [Lulus], sebelum dibenarkan mengambil kursus peringkat lebih tinggi [sebagai Prasyarat].

Prestasi/gred dalam kursus-kursus ini tidak diambil kira dalam pengiraan markah keseluruhan serta jumlah unit terhadap keperluan pengijazahan.

(c) Unit Minimum dan Maksimum Yang Boleh Didaftarkan Setiap Sidang Akademik

Pendaftaran Kursus Pelajar Bertaraf Lulus

Jumlah unit yang dibenarkan untuk setiap pelajar mendaftar adalah seperti berikut:

| Rancangan | Minimum | Maksimum |
|------------------------------|---------|----------|
| Sains | 10 | 26 |
| Sastera/Sains Kemasyarakatan | 10 | 27 |
| Pengurusan | 10 | 30 |

- (i) Had maksimum ini termasuk unit bagi kursus-kursus yang diulang dan kursus JUE 100.
- (ii) Had minimum dan maksimum ini adalah muktamad. Dekan tidak boleh melonggarkan ketetapan ini. Walau bagaimanapun, Dekan boleh membenarkan pelajar mendaftar jumlah unit yang kurang daripada had minimum hanya bagi pelajar yang telah melebihi tempoh minimum bermastautin.
- Pendaftaran Kursus Pelajar Bertaraf "Percubaan"

Pendaftaran kursus pada sesuatu sidang akademik oleh pelajar yang berada pada tahap "Percubaan" dihadkan seperti berikut:

| Taraf Akademik | Unit Maksimum |
|-------------------|---------------|
| Percubaan I [P1] | 16 unit |
| Percubaan II [P2] | 12 unit |

Rujuk muka surat 54 untuk takrifan 'Percubaan'.

- (d) Penarafan Tahun Pengajian Pelajar

Pelajar-pelajar [mengikut Rancangan Pengajian yang berkenaan] disamatarafkan sebagai pelajar tahun pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima berdasarkan jumlah kredit yang telah dikumpulkan seperti berikut:

| Rancangan Pengajian (Jumlah Kredit Untuk Berijazah) | Taraf Tahun Berasaskan Jumlah Kredit Terkumpul | | | | |
|--|---|---------|---------|----------|--------|
| | Pertama | Kedua | Ketiga | Keempat | Kelima |
| Sains (122 / 123 unit) | 0 – 25 | 26 - 49 | 50 - 75 | 76 - 101 | ≥102 |
| Sastera (124 unit) | 0 – 23 | 24 - 49 | 50 - 76 | 77 - 102 | ≥103 |
| Sains Kemasyarakatan (124 unit) | 0 – 23 | 24 - 48 | 49 - 74 | 75 - 100 | ≥101 |
| Pengurusan (136 unit) | 0 – 27 | 28 - 54 | 55 - 83 | 84 - 113 | ≥114 |

- (e) Slip Pengesahan Kursus

Slip Pengesahan Kursus yang diberikan selepas pendaftaran kursus hendaklah disemak dengan teliti untuk memastikan tiada kesilapan. Sebarang kesilapan mengenai pendaftaran kursus mesti dimaklumkan kepada PPPJJ dengan serta merta dalam tempoh aktiviti pendaftaran kursus.

- (f) Pengguguran Kursus

Pengguguran kursus tanpa sebarang alasan yang munasabah tidak dibenarkan selepas selesai aktiviti pendaftaran kursus. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan seperti berikut:


- (i) Pengguguran kursus boleh dibuat sehingga **hari ke-4 Kursus Intensif** dengan alasan-alasan yang kukuh dan perlu mendapat kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Antarabangsa) PPPJJ. Pelajar akan dikenakan denda RM50.00 untuk setiap permohonan.
 - (ii) Permohonan untuk menggugur kursus **selepas hari ke-4 Kursus Intensif tidak akan dipertimbangkan.**
 - (iii) Borang Gugur/Tambah Kursus mesti diisi oleh pelajar dan ditandatangani oleh Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Antarabangsa) PPPJJ dan disampaikan kepada Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Jabatan Pendaftar USM.
 - (iv) Kemudahan untuk menggugurkan kursus tidak boleh disalahgunakan. Dekan/Timbangan Dekan (Akademik & Antarabangsa) mempunyai hak untuk tidak memperakukan pelajar menggugurkan kursus sekiranya pelajar tidak serius terhadap kursus yang diambil seperti gagal menghadiri kuliah, tutorial dan amali dan tidak melaksanakan kerjaksusus. Pelajar yang sedemikian akan dihalang menduduki peperiksaan akhir dan diberi gred 'X'.
- (g) Pengemaskinian Rekod Akademik
- Maklumat rekod akademik terkini dicetak dalam dokumen "CANGRED". Pelajar dinasihati supaya menyemak maklumat tersebut dan sekiranya perlu dikemaskinikan, pelajar hendaklah berbuat demikian melalui borang-borang tertentu yang dapat diperolehi di PPPJJ atau Seksyen Data & Rekod Pelajar [Aras 1], Jabatan Pendaftar, USM.
- Menjadi **tanggungjawab** pelajar sendiri untuk mengemaskinikan **alamat** masing-masing sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam alamat penggal, alamat kecemasan dan alamat tetap. Pelajar juga digalakkan untuk memberi nombor telefon/telefon bimbit terkini dan e-mel peribadi supaya dapat dihubungi dengan cepat sekiranya terdapat keperluan.
- (h) Penangguhan Pengajian
- Memandangkan pelajar mengikuti pengajian bukan secara sepenuh masa dan kerana terdapatnya tuntutan-tuntutan pekerjaan dan peribadi (diri sendiri dan keluarga), kemudahan **Penangguhan Pengajian** akan dipertimbangkan dengan saksama.
- i. Pelajar dibenarkan menangguh pengajian selama tiga sidang akademik berturut-turut. Jumlah penangguhan pengajian tidak terbatas sekiranya pelajar tidak menangguh pengajian tiga kali berturut-turut.
 - ii. Tarikh penentuan permulaan penangguhan pengajian (tujuan penetapan yuran) ialah **sama dengan tarikh penerimaan Borang Penangguhan Pengajian.**
 - ii. Pelajar boleh menangguh pengajian atas sebab-sebab tertentu. Mereka akan diberikan taraf **Tidak Aktif** (dengan penalti ataupun tanpa penalti tertakluk kepada alasan yang diberikan).
 - **Dengan penalti** bermakna tahun penangguhan pengajian tersebut diambil kira ke dalam bilangan maksimum jangkamasa pengajian.
 - **Tanpa Penalti** bermakna tahun pengajian tersebut tidak diambil kira ke dalam bilangan maksimum jangka masa pengajian.
 - iii. Pelajar yang menangguh pengajian dan tidak terhutang yuran akan secara automatik dijadikan pelajar **Aktif** pada sidang akademik berikutnya, kecuali sekiranya beliau memohon untuk menangguh pengajian seterusnya.

- iv. Pelajar yang menangguh pengajian dan terhutang yuran akan secara automatik diberi taraf pelajar **Tidak Aktif** dan diberikan penangguhan pengajian untuk sidang akademik berikutnya, tertakluk kepada jumlah tahun penangguhan pengajian tidak melebihi tiga sidang akademik berturut-turut.
- v. Pelajar yang **menangguh pengajian selepas sidang akademik bermula dan sebelum tamat Kursus Intensif akan dikenakan yuran separuh** manakala pelajar yang **menangguh pengajian selepas Kursus Intensif akan dikenakan yuran penuh**.
- vi. Pelajar yang menangguh pengajian selama tiga sidang akademik berturut-turut dan telah menjelaskan kesemua yuran akan dijadikan pelajar **Aktif** pada sidang akademik berikutnya.
- vii. Pelajar boleh memohon penangguhan pengajian untuk sidang berkenaan pada bila-bila masa **sebelum 13 April tahun berkenaan**.
- viii. Permohonan mestilah menggunakan "Borang Penangguhan Pengajian" yang boleh dimuat turun daripada e-portal PPPJJ atau mendapatkan borang tersebut di Pejabat Am PPPJJ. Borang yang telah diisi perlu dikepilkkan bersama dokumen sokongan dan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Dekan
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
- ix. Borang yang lengkap diisi dan telah dihantar oleh pelajar perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) PPPJJ terlebih dahulu. Borang yang telah diperakumkan akan dihantar ke Seksyen Data dan Rekod untuk tindakan seterusnya. Surat rasmi kelulusan penangguhan pengajian akan dikeluarkan kepada pelajar oleh Seksyen Data dan Rekod, USM.

3.3 Kod Kursus

Setiap kursus yang ditawarkan dilambangkan dengan suatu kod berbentuk ABC 123/4. Makna huruf/angka dalam kod tersebut adalah seperti berikut:



_____ { I = Sains
M = Sastera
K = Sains Kemasyarakatan
T/F/R/O = Pengurusan
.....
_____ J = Jarak Jauh

4.0 SISTEM PEPERIKSAAN

4.1 Penilaian Kursus dan Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir diadakan pada akhir setiap sidang akademik. Pelajar mesti menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan semasa pendaftaran kursus. Setiap pelajar mestilah terlebih dahulu menjelaskan semua yuran dan juga memenuhi syarat keperluan kuliah/tutorial/sidang video/amali dan keperluan-keperluan lain bagi setiap kursus sebelum layak menduduki peperiksaan akhir bagi kursus-kursus yang didaftarkan.

Penilaian kursus ditentukan berdasarkan prinsip penilaian secara berterusan yang terdiri daripada dua komponen iaitu:

- komponen kerja kursus
- peperiksaan akhir

Komponen kerja kursus boleh mengandungi aspek-aspek seperti penglibatan dalam tutorial, ujian, esei, projek, tugas dan peperiksaan berterusan.

4.2 Tempoh Peperiksaan Akhir

Tempoh masa peperiksaan akhir bergantung kepada unit kursus yang dinilai seperti berikut:

| Kursus Yang Bernilai | Tempoh Peperiksaan |
|----------------------|---|
| 2 unit | 1 jam untuk kerja kursus melebihi 40% |
| 2 unit | 2 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah |
| 3 unit atau lebih | 2 jam untuk kerja kursus melebihi 40% |
| 3 unit atau lebih | 3 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah |

4.3 Penghalangan Peperiksaan

Pelajar boleh dihalang daripada menduduki Peperiksaan Akhir sekiranya tidak memenuhi keperluan kursus seperti tidak hadir kuliah, tutorial dan sidang video dan tidak menyempurnakan keperluan komponen kerja kursus. **Pelajar juga boleh dihalang mengambil peperiksaan akhir sekiranya TIDAK menjelaskan yuran pengajian.** Kursus yang dihalang akan diberi gred 'X'.

4.4 Sistem Purata Nilai Gred (PNG)

- JMS 214/4 - Sejarah Asia Tenggara Moden

Biology

- JIB 115/4 - *Plant Diversity*
- JIB 116/4 - *Animal Diversity*
- JIB 221/4 - *Microbiology*
- JIB 222/4 - *Ecology*
- JIB 226/4 - *Genetics*

Chemistry

- JIK 101/4 - *General Chemistry I*
- JIK 102/4 - *General Chemistry II*
- JIK 224/4 - *Organic Chemistry I*
- JIK 314/4 - *Chemistry and Environmental Pollution*
- JIK 326/4 - *Analytical Chemistry I*

Mathematics

- JIM 101/4 - *Calculus*
- JIM 106/4 - *Elementary Statistics*
- JIM 201/4 - *Linear Algebra*
- JIM 211/4 - *Advanced Calculus*
- JIM 212/4 - *Statistical Methods*

Physics

- JIF 103/4 - *Physics I/Practical Ia*
- JIF 104/4 - *Physics II/Practical Ib*
- JIF 211/4 - *Mechanics*
- JIF 319/4 - *Computational Physics*
- JIF 320/4 - *Electricity and Magnetism*

Nota: Semua kursus Sains di atas diajar dalam Bahasa Inggeris.

Pengurusan

- JTW 104/4 - *Pengantar Pengurusan*
- JTW 113/3 - *Prinsip Perakaunan Kewangan*
- JTW 223/3 - *Pengurusan Operasi*
- JTW 241/3 - *Prinsip Pemasaran*
- JTW 253/3 - *Perlakuan Organisasi*
- JTW 302/4 - *Prinsip Kewangan*

KURSUS UNIVERSITI (19 UNIT)

English (4 unit)

- JUE 200/2 - *English I*
- JUE 300/2 - *English II*
- JUE 402/2 - *Writing for Professional Purposes*

Walau bagaimanapun sesetengah pelajar perlu mendaftar *JUE 100/2 - Preparatory English* bergantung kepada taraf pencapaian Bahasa Inggeris masing-masing.

Kursus Bahasa Inggeris yang wajib diambil berdasarkan kepada kelayakan MUET seperti berikut:

| Bil | Kelayakan Bahasa Inggeris | Kursus Yang Perlu Diambil | Status Kursus |
|-----|--|---|--|
| 1. | MUET (Band 2/3 - Skor 0-179) | <i>JUE 100/2 – Preparatory English</i> <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i> | Prasyarat (Tiada Unit) Wajib Wajib |
| 2. | MUET (Band 4 - Skor 180-219) | <i>JUE 200/2 – English I</i> <i>JUE 300/2 – English II</i> | Wajib Wajib |
| 3. | MUET (Band 5 - Skor 220-259) (Band 6 - Skor 260-300) | <i>JUE 300/2 – English II</i> <i>JUE 402/2 – Writing for Professional Purposes</i> | Wajib Wajib |

Bahasa Malaysia (2 unit)

JUL 401/2 - Bahasa Malaysia IV

Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TISA) (2 unit)

JUT 101/2 - Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Hubungan Etnik (2 Unit)

JUH 101/2 - Hubungan Etnik

Ko-Kurikulum (3 unit)

JUU 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer

Kursus Kemahiran (2 unit)

JUS 101/2 - Teras Keusahawanan

Kursus Pemikiran Kritis (2 unit)

JUH 102/2 - Pemikiran Kritis

Kursus Etika Profesional (2 unit)

JUR 101/2 - Etika Profesional

STAF AKADEMIK : ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI

Pengerusi Rancangan : Dr. Zurina Mohd Radzi
B.A. (Hons) UM
M.A. (UKC, UK)
Ph.D (USM)

Pensyarah : Prof. Madya Dr. Fatan Hamamah Yahaya
B.A. (Hons), (UKM)
M.Soc. Sc. (USM)
Ph.D (UKM)

Dr. Chua Hang Kuen
B.Sc. (HBP) (Hons), M.Soc. Sc (USM)
Ph.D (La Trobe, Melbourne)

Dr. Suresh Kumar N Vellymalay
B.A. (Hons), (UKM)
M.Soc.Sc., Ph.D (USM)

Dr. Siti Nor Awang
B.A. (Hons), M.A. (UM)
Ph.D (Hull)

Soijah Likin
B.A. (Hons) (Univ. Indonesia)
M. Soc. Sc. (USM)

Commented [U3]: latar belakang peendidikan?

SENARAI KURSUS ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI

| Bil. | Kod/Tajuk Kursus | Asas-Asas Penilaian (%) | | | |
|------|---|-------------------------|--------------|------------|--------------------------------|
| | | Unit | Kerja Kursus | Pep. Akhir | Asas-Asas Menilai Kerja Kursus |
| 1. | JKJ 203 - Falsafah Sains Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 2. | JKA 101 - Pengantar Antropologi/ Sosiologi | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 3. | JKA 215 - Manusia dan Persekitaran | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 4. | JKA 217 - Asas-Asas Penyelidikan Kualitatif dan Kuantitatif | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 5. | JKA 218 - Isu-Isu Antropologi dan Sosiologi | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 6. | JKA 219 - Ketaksamaan Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 7. | JKA 315 - Isu-isu Perbandaran di Negara Membangun | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 8. | JKA 320 - Paradigma dan Teori Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 9. | JKA 321 - Agama dan Hubungan Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 10. | JKA 419 - Budaya dan Epidemiologi Penyakit | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 11. | JKA 420 - Teori Antropologi dan Sosiologi Lanjutan | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 12. | JKA 421E - <i>Research Proposal and Report Planning Methods</i> | 2 | 100 | - | Laporan |
| 13. | JKA 422E - <i>Indigenous Ethnography of Malaysia</i> | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 14. | JKA 512 - <i>Hubungan Etnik dan Rasisme</i> | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |

P.B. = Peperiksaan Berterusan

| Bil. | Kod/Tajuk Kursus | Asas-Asas Penilaian (%) | | | |
|------|--|-------------------------|--------------|------------|--------------------------------|
| | | Unit | Kerja Kursus | Pep. Akhir | Asas-Asas Menilai Kerja Kursus |
| 15. | JKA 513 - Industrialisasi dan Perubahan Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugas |
| 16. | JKA 515E - <i>Project: Selected Social Issues</i> | 4 | 100 | - | Laporan |
| 17. | JKA 518 - Penyelewengan, Konflik dan Pengawasan Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugas |
| 18. | JKA 519 - Budaya dan Komuniti Ruang Siber | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugas |

P.B. = Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI

JKJ 203/4 - FALSAFAH SAINS SOSIAL

Kursus ini bertujuan memperkenalkan falsafah sains sosial dengan mendedahkan pelajar kepada konsep asas, tujuan, matlamat dan perkembangan pengajian bidang ini. Ia membolehkan pelajar membina keupayaan menganalisa kelogikan, metod dan cara penerangan dan penyelidikan sains sosial. Perbincangan dalam kursus ini juga meliputi pemahaman terhadap andaian-andaian asas berkenaan fitrah tingkah laku manusia, kewujudan sosial dan pengertian ilmu pengetahuan yang hakiki.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan kefahaman konseptual tentang falsafah, matlamat dan teras utama bidang sains sosial berbanding bidang lain
- Menunjukkan kemahiran penghujahan dalam mempertimbangkan kesahihan dan keampuhan teori sosial sains dalam menganalisis fenomena sosial
- Membincangkan isu sosial kontemporari dari perspektif sains sosial
- Mempamerkan skil dan kompetensi dalam penghujahan dan kepimpinan mengaplikasikan konsep kelestarian dalam analisis isu kontemporari

JKA 101/4 - PENGANTAR ANTROPOLOGI/SOSIOLOGI

Kursus ini adalah kursus pengantar bagi bidang antropologi dan sosiologi. Kursus ini mendedahkan kepada pelajar konsep-konsep asas dan perspektif-perspektif utama dalam bidang pengajian antropologi-sosiologi. Kursus ini bertujuan membantu pelajar memahami tingkah laku dan ciri-ciri sosial kehidupan manusia dan masyarakat menerusi konsep-konsep asas dan perspektif-perspektif utama antropologi dan sosiologi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menamakan konsep-konsep asas antropologi dan sosiologi
- mengenal pasti perspektif utama antropologi dan sosiologi
- menerangkan dan menghuraikan perbezaan ciri-ciri ilmu sains tulen dan sains sosial
- menghubungkan konsep asas dan perspektif utama antropologi dan sosiologi dalam membincangkan isu-isu sosial

JKA 215/3 - MANUSIA DAN PERSEKITARAN

Kursus ini membincangkan perhubungan timbal-balik di antara tingkah laku manusia dengan alam persekitaran. Perubahan dan kesan daripada perubahan alam persekitaran akan ditinjau dalam konteks proses pembangunan manusia dan masyarakat yang berterusan. Persoalan-persoalan yang dikaji termasuklah sifat dan daya kuasa sains dalam menentukan corak perubahan sosial terutamanya dalam proses pengeluaran dan aktiviti ekonomi, punca dan implikasi krisis alam persekitaran bersabit dengan kegiatan manusia, tindak balas sosial terhadap krisis ini melalui sistem perundangan, peranan kumpulan pendesak alam sekitar dan dasar-dasar pengurusan sumber alam.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti hubungan timbal balik antara tingkah laku manusia dengan alam persekitaran
- menyatakan faktor-faktor yang mendorong krisis alam sekitar
- menerangkan tindak balas sosial terhadap krisis alam persekitaran
- menghuraikan *Laws of Ecology*

Commented [U4]: JKA215?

JKA 217/3 - ASAS-ASAS PENYELIDIKAN KUALITATIF DAN KUANTITATIF

Kursus ini mendedahkan proses penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dalam bidang antropologi dan sosiologi. Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar tentang prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang digunakan di dalam penyelidikan sains sosial. Ia meliputi teori dan falsafah penyelidikan saintifik, permasalahan dan reka bentuk penyelidikan, kaedah-kaedah pengumpulan data, klasifikasi pengukuran, persampelan, rekabentuk soal-selidik, analisis data, menilai penyelidikan dan menulis laporan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan penyelidikan sebagai satu penghasilan pengetahuan dalam penyelidikan sosial dan pendekatan sains
- menghuraikan langkah-langkah penting dalam melakukan penyelidikan Antropologi dan Sosiologi
- menghuraikan teknik dan kaedah pengumpulan data
- menganalisis data kualitatif dan kuantitatif
- mentafsir dapatan kajian dan menulis laporan penyelidikan

JKA 218/4 - ISU-ISU ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Kursus ini memperkenalkan pelbagai isu utama yang menjadi tema kajian antropologi dan sosiologi: stratifikasi dan ketidaksamaan sosial, perindustrian dan perubahan sosial, sosialisasi dan pendidikan remaja, keluarga dan kebasekiran, perkauman dan perhubungan etnik, persekitaran, ekologi dan kesihatan, budaya dan media massa, perhubungan jantina (gender), pembangunan dan pengagihan, undang-undang dan penjenayahan, perkembangan dan perhubungan manusia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti komponen subjektif dan objektif dalam sesuatu isu atau masalah sosial
- menerangkan isu/masalah sosial dengan menggunakan teori-teori antropologi dan sosiologi
- menggunakan teori-teori antropologi dan sosiologi untuk menganalisis isu-isu sosial

JKA 219/4 - KETAKSAMAAN SOSIAL

Kursus ini akan mengemukakan perbincangan sosiologi mengenai ketaksamaan sosial sebagai satu fenomena, isu dan masalah sosial dalam masyarakat manusia. Perbincangan dalam kursus ini meliputi makna ketaksamaan sosial dan kepentingan mengkajinya, falsafah dan ideologi kesamaan dan ketaksamaan, teori-teori mengenai asal-usul ketaksamaan sosial, dimensi-dimensi asas ketaksamaan, evolusi ketaksamaan, bentuk-bentuk ketaksamaan, sistem-sistem ketaksamaan; dan kesan-kesan ketaksamaan, khususnya masalah kemiskinan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan fenomena ketaksamaan sosial dalam evolusi manusia
- menganalisis secara sosiologikal definisi, konsep asas dan teori tentang ketaksamaan sosial
- menghuraikan implikasi ketaksamaan sosial dalam lapisan sosial masyarakat

JKA 315/4 - ISU-ISU PERBANDARAN DI NEGARA MEMBANGUN

Kursus ini menumpukan perhatian kepada proses, isu, permasalahan dan pembangunan bandar dalam konteks negara-negara membangun. Objektif utama kursus ini adalah untuk meninjau secara kritis isu dan permasalahan bandar terutamanya dalam masyarakat yang menuju ke arah pemodenan seperti di kebanyakan negara Asia, Latin Amerika dan Afrika. Pengenalan kepada teori dan konsep sosiologi akan diutarakan di samping fakta dan data yang berkaitan dalam penganalisan isu dan permasalahan tersebut.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan dan mengenal pasti isu-isu perbandaran di negara membangun berdasarkan perspektif antropologi-sosiologi
- menghubungkan konsep, teori antropologi-sosiologi dalam membincangkan isu perbandaran di negara membangun
- menganalisis pelbagai isu perbandaran di negara membangun dengan menggunakan konsep dan teori antropologi-sosiologi
- menghuraikan kesan-kesan perbandaran terhadap masyarakat negara membangun

JKA 320/4 - PARADIGMA DAN TEORI SOSIAL

Kursus ini membincangkan paradigma-paradigma dan teori-teori utama yang mendasari pemikiran-pemikiran antropologi dan sosiologi tentang tingkah laku sosial, kehidupan dan perubahan sosial dalam masyarakat. Bermula daripada penelitian ke atas penulisan pemikir-pemikir sosial klasik seperti Karl Marx, Emile Durkheim, Max Weber dan Ibn Khaldun, kursus ini akan meninjau seterusnya perkembangan pemikiran teoritis di zaman moden dan kontemporari menerusi penulisan tokoh-tokoh seperti Karl Mannheim, C. Wright Mills, Erving Goffman, Gramsci, Habermas, Foucault yang membentuk pelbagai aliran dan usaha mengintegrasikan pelbagai aliran pemikiran teoritis.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan kaitan serta perbezaan antara paradigma, teori, konsep dan andaian
- menjelaskan permasalahan tema debat teori sosial berkaitan takrifan/analisis/ penilaian kenyataan atau realiti sosial
- menyenaraikan kaitan dan perbezaan antara teori (sains) sosial dan teori sains
- menganalisis teori yang berkaitan dengan struktur sosial, organisasi sosial, sistem sosial dan proses sosial
- menghuraikan pelbagai teori yang dijana sepanjang perkembangan disiplin antropologi dan sosiologi, latar belakang falsafah, paradigma dan andaian pada semua teori sosial

JKA 321/4 - AGAMA DAN HUBUNGAN SOSIAL

Kursus ini membincangkan isu-isu asas semasa yang berkaitan dengan sistem-sistem agama, khususnya di rantau Asia Tenggara dan Malaysia. Konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan agama dari sudut antropologi dan sosiologi akan dimajukan melalui contoh kajian kes dari beberapa masyarakat Dunia Ketiga. Pelajar-pelajar akan diperkenalkan kepada faktor-faktor ekonomi, sosial, politik yang mempengaruhi pembentukan, perkembangan dan pertentangan dalam dan di antara agama-agama dan sistem kepercayaan tertentu. Kajian-kajian kes tertentu tentang isu-isu agama masa kini akan dipilih bagi memperkenalkan idea-idea baru tentang agama kepada pelajar-pelajar dan memperluas pengetahuan tentang aliran-aliran perubahan teori dan analisis agama sebagai kegiatan manusia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan fungsi sosial mitos, upacara amal (ritual) sebagai pengikat struktur sosial masyarakat
- menjelaskan secara kritikal pertindihan timbal-balik antara agama dan ideologi dalam proses perubahan masyarakat, pertumbuhan kumpulan pecahan, mazhab dan kultus
- menganalisa teori dan konsep utama berkenaan dan tahu membezakan bentuk sistem kepercayaan yang telah diamalkan oleh manusia sejak dari zaman primitif hingga ke zaman moden
- menghuraikan secara objektif kemajmukan kepercayaan dan amalan agama masyarakat Malaysia berbanding negara lain di Asia Tenggara

JKA 419/4 - BUDAYA DAN EPIDEMIOLOGI PENYAKIT

Kursus ini membincangkan sistem-sistem perubatan dan kesihatan masyarakat. Sistem-sistem perubatan dinilai dalam konteks perubahan sosial dan budaya masyarakat. Ideologi dan klasifikasi sistem perubatan tradisional yang mempengaruhi rawatan di peringkat tidak formal, di bandar dan desa akan dikaji. Pelbagai faktor yang mempengaruhi penjagaan kesihatan akan diteliti bersama.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan teori, konsep budaya dan epidemiologi sosial tentang kejadian dan wabak penyakit
- meneroka secara kritis aspek penjagaan kesihatan masyarakat dari perspektif budaya dan epidemiologi sosial
- menganalisis maklumat yang berkaitan struktur sistem perubatan yang wujud dalam masyarakat menurut dimensi budaya
- menghuraikan klasifikasi sistem perubatan tradisional dan moden berasaskan sistem sosiobudaya dan kategori penyakit

JKA 420/3 - TEORI ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI LANJUTAN

Kursus ini membincangkan asas-asas pemikiran falsafah tentang sains khususnya sains sosial dan kesannya ke atas perkembangan pendekatan-pendekatan yang berbeza dalam proses penyelidikan dan penghasilan pengetahuan sosial tentang tingkah laku manusia dan kehidupan sosial. Perbincangan meliputi kebangkitan penyelidikan saintifik, falsafah positivisme (empirisisme dan rasionalisme) dan falsafah hermeneutik, strategi-strategi induktif dan deduktif, isu relativisme, pengaruh nilai dan ideologi dan pemikiran pasca moden tentang penyiasatan dan pengetahuan saintifik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti epistemologikal yang membezakan antara maklumat, data, ilmu dan pengetahuan
- menjelaskan asas-asas, andaian epistemologi dan ontologi semua aliran falsafah penyelidikan sosial bersabit positivisme, (empirisisme), rasionalisme kritikal, realisme saintifik, interpretisme, fenomenologi dan hermeneutik
- membandingkan antara falsafah sains dan falsafah sains sosial
- menganalisis maksud dan sifat pengetahuan emperikal
- menghuraikan kesesuaian penggunaan falsafah mengikut jenis dan objektif penyelidikan

JKA 421E /2 - RESEARCH PROPOSAL AND REPORT PLANNING METHODS

This course aims to enhance students' skills and knowledge in designing a research proposal and writing a research report. It includes skills to develop an appropriate research strategy for a problem statement, to analyze and synthesize previous related literature, and to conceptualize and articulate the significance of the research. Moreover, students are trained to plan and write a systematic, thorough and a good research proposal as well as to comprehend the vital aspects in the planning and writing of an effective research report.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *identify anthropological and sociological issues*
- *explain research topics, methods and methodology*
- *apply theories, concepts in a research proposal*
- *present research ideas and respond to feedback*
- *present the proposal using both oral and visual communication*

JKA 422E /3 - INDIGENOUS ETHNOGRAPHY OF MALAYSIA

This course introduces students to the ethnography of the various indigenous groups in the Malay Archipelago based on language/culture, social system, beliefs and other forms of classification. The emphasis will be on the social identity of these indigenous groups in facing the impact of changes and development. Furthermore, it will focus on their ability to form social organizations and boundaries which are appropriate with the multi-racial political penetration as well as environmental and resource exploitation.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- explain the cultural heritage role of indigenous communities and status of being indigenous but peripheral in the Malaysian context
- identify the ethnological atlas of all indigenous communities of Malaysia
- describe the cultural ecology of all the indigenous groups in Malaysia
- analyze the structural (social, cultural and political) issues affecting processes of development among indigenous groups

JKA 512/4 - HUBUNGAN ETNIK DAN RASISME

Kursus ini mengkaji kepentingan dan peranan faktor ras dan etnik dalam pembentukan kumpulan sosial, proses sejarah yang membangkitkan ideologi rasisme dan pengaruh keetnikan pada masyarakat moden. Konsep asas yang berkaitan dengan isu perhubungan etnik dan ras dinilai dengan mengambil kira pengalaman negara-negara Dunia Ketiga, termasuk Malaysia. Penelitian terhadap permasalahan hubungan ras/etnik akan ditinjau dalam konteks arus kemunculan negara moden dan nasionalisme.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan kepentingan faktor keetnikan dan ras sebagai faktor penting dalam proses transformasi sosial dalam hampir semua negara di dunia
- mengenal pasti perbezaan antara konsep ras dan etnik sebagai faktor dalam pembentukan kumpulan sosial
- menganalisis secara kritis dinamika pertindihan antara faktor keetnikan, ras, kelas dan status dalam pembentukan kumpulan pendesak dalam konteks negara majmuk
- menghuraikan secara sistematik konteks sejarah dan perubahan sosial di Malaysia yang melibatkan keetnikan sebagai pelantar sosiologi

JKA 513/4 - INDUSTRIALISASI DAN PERUBAHAN SOSIAL

Kursus ini memberi perhatian kepada proses pembangunan perindustrian dan perubahan sosial di negara sedang membangun. Pembangunan perindustrian memberi kesan kepada aspek sosio-ekonomi, penghijrahan, perbandaran, institusi keluarga, pekerjaan dan alam sekitar. Beberapa isu penting dalam proses perindustrian akan dibincangkan secara terperinci seperti taraf hidup, kesuburan, peranan wanita, kanak-kanak, tekanan sosial, kesunyian dan jenayah. Justeru itu, kursus ini akan menghuraikan aspek pembangunan perindustrian dan kesannya kepada perubahan sosial masyarakat di negara sedang membangun.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti pelbagai konsep dan teori industrialisasi dan perubahan sosial
- menghuraikan isu-isu perubahan sosial masyarakat akibat daripada perindustrian di negara membangun dengan menggunakan konsep, teori antropologi dan sosiologi
- menganalisis implikasi dan kecepatan perubahan sosial masyarakat

JKA 515E /4 – PROJECT: SELECTED SOCIAL ISSUES

This course aims to expose students to first hand research experience by involving them in various activities and stages in the anthropology and sociology research process. The stages include selection of research topic, preparation of research proposal, selection of research methods, data collection, data analysis and writing of the research report.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *identify social issues and firsthand experience in undertaking actual social research*
- *analyze the approaches and major conceptual debates in sociological paradigms*
- *describe the research findings in the form of executive summary, report and/or thesis and seminar*

JKA 518/4 - PENYELEWENGAN, KONFLIK DAN PENGAWALAN SOSIAL

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji punca-punca dan kesan-kesan tingkah laku penyelewengan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Isu-isu utama dan semasa dalam tingkah laku penyelewengan dan kawalan sosial akan dikaji secara terperinci. Kursus ini juga akan membincangkan konsep-konsep asas, teori, metodologi dan mekanisme-mekanisma penyelewengan dan kawalan sosial.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti punca dan kesan tingkah laku penyelewengan yang berlaku dalam masyarakat
- menakrif konsep asas, teori, metodologi dan mekanisme penyelewengan dan kawalan sosial
- menganalisis tingkah laku penyelewengan masyarakat dengan menggunakan teori penyelewengan dan kawalan sosial
- menghuraikan teori penyelewengan dan kawalan sosial pada isu-isu konflik dalam sistem sosial masyarakat

JKA 519/3 - BUDAYA DAN KOMUNITI RUANG SIBER

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan pembentukan komuniti siber dan kesan pembentukan komuniti siber ke atas kehidupan manusia dewasa ini. Kursus ini meninjau kebangkitan media jaringan elektronik sebagai salah satu kuasa sosial yang berpengaruh dalam masyarakat. Ia juga bertujuan menerangkan hubungkait antara pengaruh media jaringan elektronik ke atas dimensi kehidupan manusia dan masyarakat masa kini.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menerangkan pembentukan identiti komuniti siber
- Menghuraikan budaya komuniti siber
- Menghuraikan peranan media bentuk baharu dan pengaruhnya dalam masyarakat
- Membezakan ciri-ciri masyarakat maklumat dan komuniti siber
- Menghuraikan pergerakan sosial di peringkat maya

STAF AKADEMIK : **EKONOMI**

Pengerusi Rancangan : Dr. Fazelina Sahul Hamid
 B.Sc. Bus. Admin (Missouri)
 M.B.A. (USM)
 M.Sc. Money and Banking, Ph.D (Exeter)

Pensyarah : Prof. Madya Dr. Yen Siew Hwa
 B.A. Econs. (UKM)
 M.A. (Iowa State)
 Ph.D (USM)

Dr. Ku 'Azam Tuan Lonik
 B.Econs. (UIA)
 M.A. Econs. of Public Policy (Leicester)
 Ph.D (Leicester)

Dr. Nailul Morad Mohd. Nor
 Dip. Agric (UPM)
 B.Sc. Econs. (Wisconsin)
 M.Sc. Econs. (Oklahoma State)
 Ed.D. (North Carolina State)

Dr. Norhanishah Mohd Yunus
 E.Econs. (Hons), M. Econs (UKM)
 Ph.D (UPM)

Dr. Radziah Adam
 B.Sc. Bus. Econs. (UEL)
 M.Econs, Ph.D (UKM)

Dr. See Kok Fong
 B.Econs. (Hons.), M.Econs. (UKM)
 Ph.D (Queensland)

SENARAI KURSUS EKONOMI

| Bil. | Kod/Tajuk Kursus | Asas-Asas Penilaian (%) | | | |
|------|---|-------------------------|--------------|-----------|--------------------------------|
| | | Unit | Kerja Kursus | Pep Akhir | Asas-Asas Menilai Kerja Kursus |
| 1. | JKJ 203 - Falsafah Sains Sosial | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 2. | JKE 101 - Pengantar Ekonomi | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 3. | JKE 213 - Wang Dan Perbankan | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 4. | JKE 215 - Mikroekonomi | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 5. | JKE 216 - Makroekonomi | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 6. | JKE 217 - Kaedah Penyelidikan Ekonomi | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 7. | JKE 314E - <i>Labour Economics</i> | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 8. | JKE 319 - Mikroekonomi Pertengahan | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 9. | JKE 320 - Makroekonomi Pertengahan | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 10. | JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 11. | JKE 414 - Ekonomi Malaysia | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 12. | JKE 420E - <i>Quantitative Economics</i> | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 13. | JKE 421 - Perdagangan Antarabangsa | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 14. | JKE 512E - <i>Public Sector Economics</i> | 4 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |

P.B. = Peperiksaan Berterusan

| Bil. | Kod/Tajuk Kursus | Asas-Asas Penilaian (%) | | | |
|------|--|-------------------------|--------------|-----------|----------------------------------|
| | | Unit | Kerja Kursus | Pep Akhir | Asas-Asas Menilai Kerja Kursus |
| 15. | JKE 516 - Ekonomi Monetari | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 16. | JKE 517 - Ekonomi Perindustrian | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 10 Tugasan 10 Kuiz |
| 17. | JKE 518 - Kewangan Antarabangsa | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 18. | JKE 520 - Projek: Isu Ekonomi Terpilih | 4 | 100 | - | 100 Projek |

P.B. = Peperiksaan Berterusan

SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS EKONOMI

JKJ 203/4 - FALSAFAH SAINS SOSIAL

Kursus ini bertujuan memperkenalkan falsafah sains sosial dengan mendedahkan pelajar kepada konsep asas, tujuan, matlamat dan perkembangan pengajian bidang ini. Ia membolehkan pelajar membina keupayaan menganalisis kelogikan, metod dan cara penerangan dan penyelidikan sains sosial. Perbincangan dalam kursus ini juga meliputi pemahaman terhadap andaian-andaian asas berkenaan fitrah tingkah laku manusia, kewujudan sosial dan pengertian ilmu pengetahuan yang hakiki.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan kefahaman konseptual tentang falsafah, matlamat dan teras utama bidang sains sosial berbanding bidang lain
- menunjukkan kemahiran penghujahan dalam mempertimbangkan kesahihan dan keampuhan teori sosial sains dalam menganalisis fenomena sosial
- membincangkan isu sosial kontemporari dari perspektif sains sosial
- mempamerkan skil dan kompetensi dalam penghujahan dan kepimpinan mengaplikasikan konsep kelestarian dalam analisis isu kontemporari

JKE 101/4 - PENGANTAR EKONOMI

Kursus ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu mikroekonomi dan makroekonomi.

Tajuk-tajuk perbincangan bahagian mikroekonomi termasuk takrifan ekonomi dan sistem ekonomi, mekanisme pasaran, tindak balas permintaan dan penawaran terhadap perubahan penentu-penentu permintaan dan penawaran, teori pengguna, teori pengeluar, teori kos, pasaran persaingan sempurna, persaingan bermonopoli, oligopoli, monopoli dan pasaran faktor.

Tajuk-tajuk perbincangan bahagian makroekonomi pula termasuk perakaunan pendapatan negara, penentuan pendapatan negara, permintaan dan penawaran agregat, dasar fiskal, wang dan perbankan, inflasi dan pengangguran, dasar kewangan, perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa.

Bagi setiap tajuk tersebut, sekurang-kurangnya satu isu ekonomi yang berkait dengan tajuk berkenaan akan dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menakrif mikroekonomi, makroekonomi dan konsep asas ekonomi
- menganalisis keluk permintaan, penawaran, penentuan dan perubahan harga pasaran
- membincangkan teori perlakuan firma dan struktur pasaran
- menjelaskan ukuran dan kegunaan data pendapatan negara dan bagaimana dasar kewangan dan fiskal mampu mempengaruhi pendapatan negara
- menerangkan permasalahan inflasi dan pengangguran; peranan wang dan bank
- menjelaskan model penentuan pendapatan Keynes; model permintaan agregat dan penawaran agregat; perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa

JKE 213/4 - WANG DAN PERBANKAN

Kursus ini memperkenalkan konsep ekonomi kewangan dan institusi-institusi yang terlibat dengan rujukan khas kepada Malaysia. Peranan dan fungsi wang serta institusi-institusi kewangan seperti bank perdagangan, bank pusat dan pengantara kewangan yang lain akan dibincangkan. Di samping itu, kursus ini akan meninjau secara ringkas penawaran dan pengurusan wang di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan fungsi wang dan penciptaan wang deposit
- membezakan institusi-institusi kewangan sesebuah negara
- menjelaskan alat-alat pengurusan kewangan yang sering digunakan
- membandingkan peranan pasaran modal, pasaran wang dan pasaran pertukaran asing di dalam ekonomi sesebuah negara
- membina hubungan yang baik, berinteraksi dalam kerja berpasukan untuk kerja kursus

JKE 215/4 - MIKROEKONOMI

Tajuk-tajuk yang diliputi dalam kursus ini terbahagi kepada empat bahagian utama yang bertemakan pengenalan kepada analisis ekonomi, permintaan dan pengguna, pengeluaran dan firma, dan teori perlakuan pasaran.

Bahagian pengenalan kepada analisis ekonomi, tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk kegiatan ekonomi dan teori ekonomi, teori harga dan pasaran, kuasa-kuasa yang menentukan harga pasaran dan lanjutan kepada teori pasaran.

Bahagian kedua pula akan membincangkan tajuk-tajuk yang bertemakan permintaan dan pengguna. Bahan pelajaran akan meneliti aspek-aspek cita rasa dan keutamaan pengguna, keluk permintaan individu, perlakuan pengguna di pasaran dan lanjutan kepada teori pengguna.

Bahagian ketiga akan meneliti firma dalam proses pengeluaran. Di bawah tema ini tajuk-tajuk yang akan dibincangkan meliputi teori pengeluaran, firma dan teknologi, teori kos dan keseimbangan firma dalam usaha memaksimumkan keuntungan.

Bahagian yang terakhir akan membincangkan teori perlakuan pasaran yang akan mengkaji perlakuan pengeluaran di dalam keadaan pasaran persaingan sempurna, monopoli tulen dan persaingan bermonopoli.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menganalisis keseimbangan pasaran dari sudut permintaan dan penawaran, kesan cukai, kerugian luput, penetapan harga bumbung dan harga lantai
- menghuraikan teori pengguna dengan menumpukan kepada keseimbangan pengguna menggunakan pendekatan teori utiliti dan pendekatan keluk puas sama
- menghuraikan teori pengeluaran dalam konteks pengeluaran jangka pendek dan jangka panjang menggunakan fungsi pengeluaran Cobb-Douglas dan pendekatan isokuan
- membincangkan teori kos pengeluaran dengan tumpuan kepada objektif firma dalam pemaksimuman untung
- menghuraikan proses pemaksimuman untung dalam teori firma dalam konteks pasaran persaingan sempurna, monopoli dan persaingan bermonopoli
- menghuraikan keseimbangan pasaran jangka panjang bagi industri kos malar, industri kos bertambah dan industri kos berkurang

JKE 216/4 - MAKROEKONOMI

Kursus ini akan memperkenalkan kaedah analisis makroekonomi, alat analisis makroekonomi dan dengan mengguna alat analisis ini, ia akan menganalisis kesan penggunaan alat dasar untuk mengawal tingkat kegiatan ekonomi. Tajuk-tajuk yang diliputi akan dibahagikan kepada empat bahagian.

Bahagian pertama akan (a) memperkenalkan bidang makroekonomi dan asas matematik yang diperlukan untuk membantu pelajar memahami tajuk-tajuk berikutnya; dan (b) meneliti kaedah-kaedah mengukur output negara, produktiviti dan guna tenaga.

Bahagian kedua akan meneliti (a) penggunaan, tabungan dan pelaburan yang membentuk pasaran komoditi; (b) pasaran aset, wang dan harga yang membentuk pasaran wang.

Bahagian ketiga akan membincangkan keseimbangan serentak dalam pasaran komoditi dan pasaran wang dan dengan bantuan alat analisis yang dibina, bahagian ini akan mengkaji kesan kejutan-kejutan terhadap kegiatan ekonomi dan masalah penggunaan alat dasar untuk mengawal kegiatan ekonomi menggunakan pendekatan IS-LM dan AD-AS.

Bahagian keempat akan menggunakan alat analisis IS-LM dan AD-AS bagi menerangkan masalah inflasi dan pengangguran dan langkah-langkah kawalan bagi mengatasi masalah inflasi dan pengangguran tersebut.

Hasil pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

- menjelaskan pelbagai kaedah menghitung output negara
- menerbitkan fungsi pengeluaran dan menggunakan fungsi pengeluaran untuk menjelaskan output dan guna tenaga
- menerangkan penggunaan, tabungan dan pelaburan dan hubungan dengan pasaran barangan
- menerangkan pasaran aset, wang dan harga dan hubungan dengan pasaran modal
- menggunakan alat analisis pasaran barangan dan pasaran modal bagi menerangkan keseimbangan serentak
- menggunakan analisis keseimbangan serentak bagi menerangkan pengangguran dan inflasi

JKE 217/3 - KAEDAH PENYELIDIKAN EKONOMI

Kursus ini dimulakan dengan memperkenalkan pelajar kepada konsep dan falsafah penyelidikan sains sosial. Seterusnya diuraikan langkah-langkah asas penyelidikan ekonomi yang perlu dilakukan. Pembentukan permasalahan kajian, hipotesis kajian dan sorotan karya menjadi tumpuan perbincangan untuk pelaksanaan di peringkat awal kajian. Perbincangan beralih kepada jenis-jenis data dan kaedah pengumpulan data. Topik utama lain yang dibincangkan ialah tentang teknik pemerihalan data secara grafik dan jadual, taburan normal, ujian hipotesis, kaedah regresi dan penulisan laporan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

- menghuraikan langkah-langkah penting dalam melakukan penyelidikan ekonomi
- mengamalkan beberapa teknik pengumpulan data
- menganalisis data ekonomi secara statistik
- menafsir dapatan kajian dan menulis laporan penyelidikan

JKE 314E/3 - LABOUR ECONOMICS

The course aims to introduce students to the study of labour economics and labour organization. Topics to be covered are developed within the framework of socio-economic development. Growth of labour force, its characteristics and structural changes will be dealt with in this framework.

Major topics includes employment, unemployment and less than full employments; labour market structure and behaviour; wage theory and wage determination with special emphasis on the perfect and imperfect labour market.

Wage structure and wage rate differential will be studied from the perspective of a conventional pragmatic; followed by a study of the general wage level, relationship between wage and inflation, wage share in the national income, wage and employment policy in economic development and business cycle.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- differentiate factors that determine demand and supply of labour
- examine how the demand and supply of labour interact to determine wage rates and employment in various labour markets
- analyse human capital theory and relate it with wage differentials in the labour market

- *explain important concepts in labor economics such as labour mobility, migration, productivity, efficiency and discrimination*
- *discuss the implications of government interventions in the labour market*
- *differentiate types of unemployment, their implications on economy; and also analyse the relationship between wage and inflation*

JKE 319/4 - MIKROEKONOMI PERTENGAHAN

Kursus ini ialah lanjutan kepada kursus JKE 215 - Mikroekonomi. Kursus ini dimulakan dengan mengkaji pasaran oligopoli diikuti dengan perbincangan tentang teori agihan. Aspek penentuan harga dan permintaan input dalam berbagai-bagai jenis pasaran menjadi tumpuan seterusnya. Selepas itu, perbincangan akan dialihkan kepada analisis keseimbangan am. Ini akan diikuti dengan teori ekonomi kebajikan yang akan menyentuh tentang pencapaian keoptimuman Pareto dan contoh-contoh fungsi kebajikan sosial. Perbincangan seterusnya akan ditumpukan kepada aspek kegagalan pasaran dan kesan luaran sebagai asas perbincangan teori barang awam dan teori terbaik kedua.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menganalisis struktur pasaran dengan lebih kritis
- menganalisis agihan sumber dan mekanisme pasaran
- menganalisis ekonomi kebajikan dan pencapaian keoptimuman
- menilai isu-isu ekonomi semasa dengan pendekatan yang praktikal

JKE 320/4 - MAKROEKONOMI PERTENGAHAN

Kursus ini akan menggunakan analisis yang dibina dalam kursus JKE 216 - Makroekonomi bagi mengawal tingkat kegiatan ekonomi. Kursus ini akan terbahagi kepada empat bahagian.

Bahagian pertama menggunakan pendekatan atau model AD-AS bagi menerangkan inflasi dan pengangguran dan mengaitkannya dengan kitaran perniagaan.

Bahagian kedua akan menerangkan perbezaan pandangan antara ahli ekonomi Klasik dan Keynes dalam menerangkan persoalan kitaran perniagaan.

Bahagian ketiga akan memberikan tumpuan kepada teori-teori berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi.

Bahagian keempat akan menyentuh kawalan kitaran perniagaan dan pertumbuhan menggunakan dasar kewangan dan fiskal.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

- menerangkan kejutan ekonomi dalam model AD-AS
- menggunakan model AD-AS bagi menerangkan kitaran perniagaan
- menerangkan pandangan ahli-ahli ekonomi klasik berhubung masalah kitaran perniagaan
- menerangkan pandangan ahli-ahli ekonomi Keynes berhubung masalah kitaran perniagaan
- menghurai pertumbuhan ekonomi
- menghurai peranan dasar kewangan
- menghurai persoalan belanjawan kerajaan dan hutang negara

JKE 413/4 - ANALISIS EKONOMI ISLAM

Kursus ini membincangkan falsafah, struktur dan mekanisme sistem ekonomi Islam. Bahagian pertama kursus ini akan ditumpukan kepada falsafah dan matlamat sistem ekonomi Islam, kaedah bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut, harta kekayaan sebagai amanah, pengagihan pendapatan dan kekayaan, zakat dan pembahagian harta pusaka dalam Islam.

Bahagian seterusnya akan menyentuh tentang analisis penggunaan, pengeluaran, sistem pasaran, dan pengagihan pendapatan faktor dan harta dalam Islam.

Bahagian ketiga akan menumpukan kepada peranan kerajaan dalam Islam daripada sudut pentadbiran dasar fiskal, dasar kewangan, pelaburan, perancangan pembangunan dan hubungan antarabangsa. Analisis juga dibuat dalam perbandingan antara sistem ekonomi kapitalis, sosialis dan Islam berdasarkan kriteria keadilan, kecekapan, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi. Perbincangan juga akan diberikan tentang kedudukan sistem ekonomi Islam dalam satu sistem sekular dan dalam masa peralihan.

Dalam membincangkan tajuk-tajuk yang disebutkan tadi penumpuan akan dibuat kepada usaha-usaha yang dijalankan di Malaysia untuk menerapkan sistem ekonomi Islam.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan falsafah, struktur dan mekanisme sistem ekonomi Islam dan kepentingan ilmu ekonomi Islam dipelajari dalam kehidupan orang Islam khususnya dan manusia sejagat pada amnya
- menjelaskan hubungan antara konsep keimanan, ketakwaan, keadilan, tauhid, pemerintahan negara dalam Islam dengan usaha-usaha kegiatan ekonomi dalam kehidupan manusia
- menghuraikan pengertian, objektif dan pelaksanaan konsep pengeluaran dari sudut pandangan Islam, pentingnya kepada kehidupan manusia dan perbezaannya dengan konsep pengeluaran dalam teori ekonomi konvensional
- menghuraikan teori penggunaan Islam dalam konteks untuk memenuhi matlamat penggunaan Islam dengan meneliti secara kritikal teori penggunaan konvensional
- membincangkan aspek-aspek makroekonomi ekonomi Islam bagi meneliti konsep perbelanjaan awam, peranan institusi zakat dan usaha mengatasi masalah kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi masyarakat Islam

JKE 414/4 - EKONOMI MALAYSIA

Kursus ini bertujuan meneliti struktur, prestasi, masalah dan isu-isu terpilih tentang ekonomi Malaysia. Pendekatan deskriptif dan analitik akan digunakan semasa meneliti struktur, prestasi, masalah dan isu-isu terpilih tersebut. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan adalah mengikut sektor: sektor pertanian dan perlombongan, industri pembuatan, perkhidmatan, perdagangan antarabangsa dan perbelanjaan serta hasil kerajaan. Bagi setiap sektor, perbincangan akan ditumpukan kepada perkembangan semasa pertumbuhannya, masalah-masalah yang dihadapi dan dasar-dasar kerajaan terhadap sektor berkenaan. Selain daripada analisis mengikut sektor, isu-isu ekonomi semasa akan dibincangkan dalam konteks yang berkaitan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan sejarah dan ciri-ciri ekonomi Malaysia
- menghuraikan peranan sektor-sektor utama ekonomi
- menilai dasar-dasar pembangunan ekonomi negara
- menganalisis isu-isu ekonomi semasa
- membina hubungan yang baik dan memupuk semangat kerja berpasukan untuk kerja kursus

JKE 420E/3 - QUANTITATIVE ECONOMICS

The course aims to familiarise the students with the concepts and applications of various mathematical and statistical tools often used in economics writing. Aside from data collections and presentations and also descriptive statistics, the contents include hypothesis testing for mean of one, two or more than two populations. Correlation and regression analysis will be carried out for simple linear regression and multiple regression. The use of time series analysis and the formation of index number will also be covered in this course.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *differentiate between descriptive and inferential statistics*
- *apply statistical analysis and techniques in solving economics problems*
- *develop model and analysis of economics variables*
- *analyse economics problems and issues through quantitative perspective*

JKE 421/3 - PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Kursus ini merangkumi aspek-aspek "teori tulen" perdagangan antarabangsa iaitu aspek-aspek teori klasik dan moden mengenai arah aliran perdagangan, kebaikan atau faedah daripada perdagangan bebas, aspek-aspek perdagangan tidak bebas, jenis-jenis blok perdagangan antarabangsa, kesan pertumbuhan terhadap perdagangan dan institusi perdagangan antarabangsa seperti GATT dan WTO.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan ramalan teori perdagangan antarabangsa klasikal dan neoklasikal dan faedah daripada perdagangan antarabangsa
- menjelaskan bagaimana penganugerahan faktor bandingan menentukan arah aliran perdagangan antarabangsa, mempengaruhi harga relatif komoditi, harga relatif faktor dan agihan pendapatan
- menjelaskan model perdagangan antarabangsa Heckscher-Ohlin, ramalan model dan paradoks dapatan Leontief
- menganalisis dengan menggunakan keluk tawaran, bagaimana keseimbangan syarat niaga ditentukan dan kesan perubahan dalam penawaran dan permintaan terhadap syarat niaga dan jumlah perdagangan
- menganalisis kesan halangan tarif dan bukan-tarif terhadap kebajikan negara kecil dan negara besar
- menghuraikan pelbagai tahap integrasi ekonomi wilayah dan kesan statik dan dinamik kerana penubuhan blok perdagangan
- menjelaskan kesan pertumbuhan ekonomi terhadap perdagangan antarabangsa dan kebajikan masyarakat

JKE 512E/4 - PUBLIC SECTOR ECONOMICS

This course analyses the activities of the public sector from the perspective of taxation and government expenditure. Topics to be covered are: concepts and system of taxation, taxation system in Malaysia, principles of taxation, tax incidence, empirical analysis and the weakness of the empirical analysis, tax burden (of export tax, import tax and the tax burden on the poor) and the effect of tax incentives. Topics to be covered under the government expenditures are: various concepts of the growth of government expenditure, Malaysian government expenditure, types of expenditure and its effect.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *apply basic theoretical and empirical tools of analysis to public policy issues*
- *explain the reasons for market failure, the basic theorems of welfare economics, public good, externalities and the foundation of public choice*
- *explain underlining arguments of the growth of government expenditure both from the public finance and the public choice perspectives*
- *analyse the effects of public expenditure programs on the distribution of income*
- *appraise the effects of taxes on the distribution of income*
- *analyse the effects of taxes on the efficiency of resource allocation*

JKE 516/3 - EKONOMI MONETARI

Kursus ini meninjau teori permintaan dan penawaran wang, khasnya isu kestabilan permintaan wang dan kontroversi Moneteris-Keynesian. Analisis kesan dasar kewangan dibuat berasaskan model IS-LM dan AD-AS. Analisis dinamik dengan jangkaan rasional juga akan ditekankan. Penelitian juga diberikan ke atas perkembangan ekonomi kewangan di Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menaksir teori-teori permintaan dan penawaran wang, khasnya kontroversi Moneteris-Keynesian
- menganalisis kesan dasar kewangan berasaskan model IS-LM dan AD-AS
- menjelaskan konsep keneutralan wang pasaran dan ilusi wang dalam konteks model Klasikal dan Keynes
- menganalisis jenis model jangkaan berbeza dan aplikasinya ke atas keluk Phillips
- menilai kesan penawaran wang ke atas pertumbuhan, inflasi dan kadar bunga
- menganalisis penentuan kadar pertukaran mengikut pendekatan kewangan

JKE 517/3 - EKONOMI PERINDUSTRIAN

Kursus ini akan memperkenalkan isu-isu yang berkait dengan proses perindustrian sesebuah negara terutamanya di negara sedang membangun seperti Malaysia. Persoalan-persoalan seperti struktur, gelagat dan prestasi industri akan disentuh pada permulaan kursus. Seterusnya perbincangan akan ditumpukan kepada teori-teori yang menghuraikan penumpuan, lokasi dan integrasi industri. Fungsi pengeluaran dan teknologi, dan pengaruhnya juga akan diteliti. Akhirnya kursus ini akan menghuraikan dengan terperinci peranan firma multinasional dalam ekonomi global masa kini serta impaknya ke atas negara sedang membangun.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menilai secara kritis kajian ilmiah yang berkaitan firma dan industri
- menghuraikan teori firma dan pemaksimuman keuntungan
- menganalisis paradigma struktur, gelagat dan prestasi pasaran
- membincangkan isu-isu dalam pembangunan perindustrian dan peranan firma multinasional

Perancangan, pengawalan dan pembuatan keputusan adalah antara beberapa fungsi utama pihak pengurusan. Kursus ini menumpukan perhatian kepada penghasilan dan penggunaan maklumat perakaunan untuk pengurus merancang dan mengawal operasi perniagaan serta membuat keputusan khas bila perlu. Maklumat perakaunan penting yang ditekankan dalam kursus ini ialah kos barangan, aktiviti dan belanjawan. Di antara tajuk yang akan dibincangkan ialah pengekosan kerja, barangan, belanjawan, kos piawai, kos relevan dan pengekosan piawai.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan perbezaan antara perakaunan pengurusan dan perakaunan kos
- mentafsir terma-terma dan tingkah laku kos
- menyediakan belanjawan-belanjawan untuk sebuah organisasi
- menerangkan teknik-teknik pengurusan dan kawalan kos seperti Titik Pulang Modal, Teknik Pengekosan dan Analisis Varian

JTW 223/3 - PENGURUSAN OPERASI

Kursus ini memberikan pendedahan mengenai teori-teori dan teknik-teknik pengurusan pengeluaran, cara-cara melicinkan proses pengeluaran serta meningkatkan hasilnya dan penggunaan teknik-teknik penting dalam pengurusan pengeluaran. Kandungan kursus melibatkan pengenalan kepada pengurusan pengeluaran, pengurusan kualiti menyeluruh (TQM), strategi-strategi, produk, proses, kapasiti, lokasi dan susun atur, pengurusan projek, taktik-taktik penganalisan inventori, perancangan keperluan bahan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan konsep pengurusan operasi, kaedah-kaedah, teknik-teknik serta teori yang berkait dengan pengeluaran barangan atau perkhidmatan di organisasi
- menganalisis permasalahan dalam pengurusan operasi
- menilai sesuatu permasalahan pengurusan operasi
- menyelesaikan masalah pengurusan operasi dengan berdasarkan kaedah-kaedah serta teknik pengurusan operasi yang bersesuaian

JTW 224/3 - PENGENALAN KEPADA PSIKOLOGI PENGURUSAN

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar tentang asas bidang psikologi. Para pelajar akan didedahkan tentang teori dan penyelidikan berkaitan psikologi dalam pengurusan. Topik-topik yang akan didedahkan meliputi asas psikologi, persepsi, personaliti, memori, kognisi, emosi dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan asas psikologi
- memilih tatacara pengurusan diri yang berkesan
- menunjuk cara mengurus orang lain dengan lebih berkesan

JTW 241/3 - PRINSIP PEMASARAN

Kursus ini memperkenalkan peranan fungsi pemasaran dalam organisasi; konsep pemasaran dan campuran pemasaran (barangan, harga, pengedaran, promosi), dan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi kegiatan pemasaran.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan aspek-aspek konsep pemasaran, proses yang terlibat, ragam konsumen, pembangunan pemasaran, berasaskan hubungan pelanggan, ciri-ciri perkhidmatan pemasaran dan pemilihan perancangan pemasaran yang spesifik
- mengenal pasti peranan pemasaran dalam masyarakat, industri dan syarikat
- menghubungkan ilmu pemasaran dengan amalan sebenar dunia perniagaan dan operasi dalam organisasi

JTW 253/3 - PERLAKUAN ORGANISASI

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip dan teori perlakuan organisasi yang merangkumi analisis, kefahaman dan pengurusan manusia dan proses komunikasi. Kursus ini juga memberi kefahaman tentang bagaimana organisasi berfungsi dan bagaimana individu berinteraksi di dalam organisasi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan konsep perlakuan organisasi
- menghuraikan tiga peringkat analisis perlakuan organisasi iaitu peringkat individu, peringkat kumpulan dan peringkat organisasi
- menghubungkan teori perlakuan organisasi dengan persekitaran sebenar organisasi untuk mewujudkan persekitaran yang kompetitif

JTW 302/4 - PRINSIP KEWANGAN

Kursus ini memperkenalkan kepada fungsi pengurusan kewangan dalam organisasi perniagaan. Penekanan diberikan kepada objektif pengurusan kewangan untuk maksimumkan nilai sesebuah firma melalui hasil pulangan yang tertinggi pada aras risiko yang terendah. Oleh yang demikian, konsep penting yang ditonjolkan ialah nilai semasa mata wang dan ciri-ciri risiko. Polisi-polisi struktur modal dan pembayaran dividen juga dikaitkan dengan objektif keseluruhan pengurusan kewangan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menghubungkan fungsi pengurusan kewangan dengan ekonomi dan perakaunan
- mengenal pasti tujuan firma ditubuhkan
- merancang tadbir urus korporat dan kaedah pengukuran prestasi berdasarkan pengurusan kewangan

JTP 393/3 - INTERNATIONAL BUSINESS

The course focuses on organisational business environment ; in particular, the emphasis is on the issues and techniques in the development of business international strategy and the techniques in international business implementation – in a continuously changing environment.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *explain the concept of international business*
- *solve the international business issues*

JTP 480/3 - KAEDAH PENYELIDIKAN PERNIAGAAN

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar terhadap isu-isu kajian penyelidikan, perumusan masalah, hipotesis, teori, penilaian penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, penyukatan dan pemungutan data, pensampelan, kaedah menganalisis, cara menggunakan komputer, dan menulis laporan penyelidikan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan langkah menjalankan penyelidikan perniagaan
- mengorganisasi reka bentuk penyelidikan
- membangunkan skala-skala pengukuran
- menghuraikan jenis pensampelan
- menilai hipotesis dengan pakej perisian SPSS
- menulis cadangan penyelidikan

JOW 457/3 - KEUSAHAWANAN

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep, kesedaran fahaman dan pengetahuan dalam keusahawanan. Ianya akan berfokus kepada pembangunan usahawan dari segi ciri-ciri, peluang-peluang dan penggunaan pengurusan fungsional dalam pembangunan usahawan. Kursus ini merangkumi topik-topik seperti konsep dan cabaran keusahawanan, kaedah mengenalpasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan, bentuk dan peraturan perniagaan di Malaysia, Rancangan Perniagaan, Rancangan Pemasaran, Rancangan Kewangan, Pengurusan Operasi dan Kawalan Kualiti, Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia dan Isu-isu keusahawanan global dan korporat dalam pasaran.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menghuraikan sejarah, konsep dan teori keusahawanan
- menghuraikan konsep kreativiti dan inovasi, pengambilan risiko dan asas-asas pengurusan perniagaan
- mengenal pasti peluang-peluang keusahawanan dan pendekatan bagi mewujudkan usaha teroka
- menulis rancangan perniagaan yang menyeluruh

JTP 501/3 - ETIKA PERNIAGAAN

Kursus ini memberikan pendedahan mengenai etika atau moral berkaitan perniagaan, kerajaan dan masyarakat, konsep tanggungjawab sosial perniagaan, nilai dan etika perniagaan, ekologi, persekitaran perniagaan, peranan kerajaan dalam perniagaan, mengurus prestasi sosial perniagaan dan isu moral dalam perniagaan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti asas-asas, konsep-konsep, dan teori-teori yang berhubung kait dengan pengurusan perniagaan beretika
- menjelaskan cara membentuk pengurus yang beretika, berhemah, bertanggung jawab dan peka terhadap keperluan individu, organisasi, masyarakat, persekitaran dan kerajaan

JTW 503E/4 - STRATEGIC MANAGEMENT

The course focuses on organisational management; in particular, the emphasis is on the issues and techniques in the development of corporate strategy and the techniques in strategic implementations – in a continuously changing environment.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *explain the concept of strategic management*
- *describe the concept of strategic analysis, strategic formulation and strategic implementation*
- *solve case analysis*

JTW 501/4 - SEMINAR PENGURUSAN

Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada para pelajar untuk meneliti isu-isu semasa dalam bidang pengurusan. Melalui kursus ini, para pelajar akan dibimbing untuk mengenalpasti dan menganalisis isu-isu semasa dalam bidang pengurusan. Para pelajar akan dikehendaki menyediakan dan membentangkan laporan tentang kajian ke atas sesuatu isu pengurusan yang telah dikenal pasti.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti isu-isu semasa yang berlaku dalam bidang pengurusan
- menghubungkan antara teori dan konsep pengurusan dengan isu semasa yang berlaku

JTW 580/4 - PROJEK PENGURUSAN

Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar mendalami sesuatu aspek pengurusan yang diminati. Di samping itu, kursus ini juga memberi mereka pengetahuan tentang cara-cara mengendalikan kajian ilmiah sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana atau menyediakan laporan pengurusan yang lengkap dengan berasaskan data utama. Pelajar juga akan didedahkan kepada penggunaan perisian statistik yang akan membantu mereka menganalisa data mentah dan mendapatkan maklumat yang boleh digunakan dalam pelbagai aspek pengurusan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- melaksanakan penyelidikan perniagaan
- mengendali kerja lapangan (pengutipan data)
- menganalisa data
- menulis laporan ilmiah

| | |
|-----------------------|--|
| MAJOR KEWANGAN | |
|-----------------------|--|

JFW 462/3 - PENGURUSAN INSTITUSI KEWANGAN & PASARAN

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada fungsi dan isu-isu yang terlibat dalam pengurusan institusi kewangan dan pasaran kewangan. Penekanan kursus adalah kepada strategi pengurusan institusi kewangan, peraturan dan perancangan kerajaan dan analisis kewangan. Kandungan kursus meliputi: fungsi dan matlamat institusi kewangan di Malaysia dan pasarnya, iaitu pasaran wang dan modal; analisis kadar faedah termasuk dari aspek matematik, struktur kematangan dan pengurusan pusingan kadar faedah; pengurusan isu-isu dasar seperti kredit, kecairan, modal dan perancangan strategik; pengurusan institusi kewangan yang utama seperti bank perdagangan, syarikat kewangan dan institusi kewangan Islam, dan dasar kerajaan dalam menjalankan regulasi terhadap institusi kewangan meliputi tujuan dan struktur peraturan untuk keberkesanan dan kestabilan sistem kewangan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti jenis-jenis institusi kewangan dan pasaran kewangan yang wujud di Malaysia dan pada peringkat antarabangsa
- menjelaskan cara sistem kewangan berperanan dalam memastikan kemajuan ekonomi benar negara/dunia
- menghuraikan cara pihak pengurusan institusi kewangan menjalankan aktiviti pengurusan aset liabiliti mereka
- menerangkan kepentingan elemen etika dalam memastikan kelangsungan sesebuah institusi kewangan

JFP 463E/4 - SECURITY INVESTMENT AND PORTFOLIO MANAGEMENT

The objective of this course is to enable student to understand the concept, theory, and methodology and investment portfolio management. The emphasis is on the method of investments analysis. The contents of the course include introduction to the concept, investment process, share market and legal requirements, types of security, statistics and basic mathematics for investment, risks and returns, financial report analysis, fundamental analysis, technical analysis and Dow Theory. The economic trend, business and share market, and information sources are also discussed.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- identify the major steps in the construction of an investment portfolio
- specify investment objectives, constraints and compare of individual and institutional investors in local and international settings
- distinguish the theories and concept underlying the investment processes

JFW 464/3 - ANALISIS PENYATA KEWANGAN

Sumber utama mendapatkan maklumat mengenai sesebuah syarikat ialah daripada penyata-penyata kewangan, iaitu kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata pengaliran tunai. Kursus ini akan memberi pendedahan terperinci mengenai konsep-konsep analisis nisbah, analisis pulangan atas ekuiti, peranan analisis kewangan dan penilaian.

Bidang-bidang analisis khusus yang akan dipelajari dalam kursus ini ialah:

| | |
|---|--|
| Analisis Kewangan Industri | - Mengkaji sesebuah sektor industri untuk menentukan prestasi industri. |
| Analisis Kewangan Syarikat | - Mengkaji penyata-penyata kewangan bulanan, suku-tahunan, ataupun tahunan sesebuah syarikat untuk menentukan prestasi terdahulu dan meramalkan prestasi masa hadapan bagi sesuatu tempoh kajian tertentu. |
| Analisis Kewangan - Syarikat lwn. Industri | - Mengkaji prestasi kewangan sesebuah syarikat berbanding sektor industrinya bagi sesuatu tempoh kajian tertentu untuk menentukan faktor-faktor kekuatan serta kelemahan syarikat. |
| Analisis Kewangan - Syarikat lwn. Syarikat | - Mengkaji prestasi kewangan sesebuah syarikat berbanding syarikat lain dalam sektor industri yang sama. |

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti analisis-analisis yang diperlukan untuk menganalisis sesebuah perniagaan
- membandingkan kelebihan dan kelemahan setiap analisis yang dilakukan
- menganalisis penyata kewangan sesebuah syarikat

JFW 470/4 - DERIVATIF KEWANGAN

Objektif kursus ini ialah untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar tentang konsep, teknik dan strategi urus niaga opsyen, kewangan hadapan dan derivatif kewangan. Kandungan kursus ini termasuk pengenalan tentang konsep, pasaran dan kewangan hadapan, definisi perlindungan nilai, spekulasi dan arbitraj. Penekanan juga akan diberi kepada mekanik pasaran opsyen, sifat opsyen, stok, strategi urus niaga opsyen, analisis harga opsyen stok, opsyen untuk indeks saham, mata wang, kontrak hadapan, kadar faedah, nilai opsyen mengikut model Binomial dan *Black-Scholes*. Bagi pasaran hadapan pula, mekanik kewangan hadapan, analisis penentuan harga kewangan hadapan, kaedah strategi perlindungan nilai kewangan hadapan, urus niaga masa hadapan bagi kadar faedah, indeks stok, pertukaran asing opsyen dan swap akan dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan aspek-aspek penting pasaran opsyen, ke hadapan serta swap

- mengenal pasti dan menghuraikan sifat-sifat kontrak derivatif
- menganalisa faktor-faktor yang mempengaruhi nilai sesebuah sekuriti derivatif
- memilih model penilaian yang sesuai untuk penilaian derivatif
- menunjuk cara derivatif digunakan sebagai alat untuk "hedge", arbitraj serta spekulasi

JFW 460/3 - KEWANGAN KORPORAT

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai teori-teori dan isu-isu kewangan dari aspek pelaburan firma dan pembiayaan modalnya untuk tujuan pemaksimuman kekayaan pemilikinya. Kandungan kursus meliputi tiga bahagian utama iaitu:

- (a) konsep asas kewangan; matlamat pengurusan kewangan korporat, analisis mengurangkan aliran tunai, risiko dan pulangan dan konsep dan model penilaian.
- (b) kos dan struktur modal: keumpulan kewangan atau leveraj, konsep kos modal, teori struktur modal dan dasar dividen.
- (c) belanjawan modal: teknik-teknik keputusan belanjawan modal; analisis aliran tunai dari projek; analisis risiko dan belanjawan modal yang optimal.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- membuat inferens berdasarkan teori kewangan untuk menentukan pembentukan dan pelaksanaan strategi kewangan berkesan
- mengenal pasti isu-isu dan masalah kewangan yang dihadapi oleh pengurus kewangan dalam mengambil keputusan kewangan
- menjelaskan tindakan individu dan pengurus-pengurus firma untuk menacpai matlamat memaksima kekayaan pemilik saham

JKE 518/3 - KEWANGAN ANTARABANGSA

Kursus ini merangkumi aspek-aspek kewangan dalam bidang ekonomi antarabangsa, iaitu aspek-aspek kaitan perdagangan luar negara dengan ekonomi negara, imbalan pembayaran sesebuah negara, pertukaran asing, mekanisma imbalan pembayaran diselaraskan dan sistem kewangan antarabangsa.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan terminologi asas berkaitan kewangan antarabangsa seperti imbalan dagangan, imbalan pembayaran, akaun semasa, akaun modal, rizab
- menjelaskan kepentingan imbalan dagangan, imbalan pembayaran, akaun semasa, akaun modal dan rizab
- menerangkan kadar pertukaran dan urus niaga kadar pertukaran
- menjelaskan penentuan kadar pertukaran; perubahan kadar pertukaran, isu-isu berkaitan dengan perdagangan mata wang asing
- menjelaskan faktor-faktor yang menentukan kadar pertukaran dan perubahan kadar pertukaran

| | |
|-------------------------|--|
| MAJOR ORGANISASI | |
|-------------------------|--|

JOP 452/4 - PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kursus ini meneliti prinsip dan amalan pengurusan sumber manusia yang meliputi aspek perancangan sumber manusia, pemilihan dan pengambilan kakitangan, pengurusan gaji dan faedah, latihan dan perkembangan kakitangan, penilaian prestasi dan perhubungan pekerja. Ia juga membekalkan pelajar dengan amalan semasa yang dipengaruhi oleh sosiobudaya, aliran ekonomi, politik dan globalisasi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan pelbagai aspek pengurusan sumber manusia dan perhubungan industri
- menjelaskan amalan pengurusan sumber manusia dan perhubungan industri di Malaysia
- mengaplikasikan pengurusan sumber manusia di tempat kerja

JOW 453/3 - TEORI ORGANISASI

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep teori organisasi sebagai asas kepada menganalisis keberkesanan organisasi. Aspek-aspek teori organisasi yang ditekankan ialah strategi reka bentuk dan keberkesanan organisasi, asas struktur organisasi, persekitaran teknologi, kitaran hayat budaya organisasi dan inovasi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan konsep teori organisasi
- mengenal pasti reka bentuk struktur organisasi yang bersesuaian dengan misi dan visi organisasi

JOW 459/4 - PERKEMBANGAN ORGANISASI

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada para pelajar mengenai konsep perkembangan organisasi. Aspek-aspek perkembangan organisasi yang disentuh meliputi corak perubahan, perancangan perubahan dan cara memperkenalkan perubahan ke dalam organisasi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan konsep perkembangan organisasi
- menerangkan kepentingan perubahan dalam organisasi

JOW 460/3 - PSIKOLOGI PENGURUSAN

Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan tentang pengurusan individu dan kumpulan dalam organisasi. Kursus ini memberi tumpuan pada teori yang berkaitan aplikasi prinsip psikologi dalam pengurusan organisasi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan cara pengurusan diri untuk bekerja dengan orang lain secara lebih berkesan
- merumuskan cara menguruskan orang lain dalam sesebuah organisasi dengan lebih berkesan

JOW 465E/3 - INTERNATIONAL MANAGEMENT

The course focuses on the challenges and issues in the field of international management; emphasizes on the differences and similarities between domestic and international management; discusses current trends in the field of international investments and globalization; and analyses the type of skills and expertise that are necessary in international management.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- identify the challenges and issues in international management
- describe the similarities and differences between domestic and international management
- show the current trend in international finance & investment and globalization
- identify management style that suits working environment to remain competitive

JOW 452/3 - PERHUBUNGAN INDUSTRI

Kursus ini bertujuan memperkenalkan prinsip-prinsip dan peraturan perhubungan industri yang meliputi aspek-aspek sejarah perhubungan industri, proses perundingan bersama, kesatuan sekerja, pertikaian perusahaan, maklumat perusahaan, undang-undang serta akta-akta yang berkaitan. Perbandingan perhubungan perusahaan di negara-negara lain juga dianalisis.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan tentang sistem perhubungan industri di Malaysia (sektor swasta dan juga sektor awam)
- menjelaskan kandungan undang-undang berkaitan pekerjaan seperti Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Pekerjaan 1967, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan lain-lain
- menjelaskan peranan (hak dan tanggungjawab) majikan, pekerja dan kerajaan dalam mewujudkan suasana hubungan industri yang harmoni di Malaysia.

| | |
|------------------------|--|
| MAJOR PEMASARAN | |
|------------------------|--|

JRW 441/4 - PEMASARAN PERKHIDMATAN

Kursus ini mendalami isu-isu dalam mengamalkan konsep pemasaran dan merancang strategi campuran pemasaran. Perancangan, pelaksanaan dan kawalan aktiviti pemasaran; perlakuan pengguna, peranan institusi-institusi pemasaran, pengurusan barangan, penentuan harga dan promosi diberi penekanan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan isu-isu pemasaran dan merancang strategi campuran pemasaran
- mengenal pasti kepentingan perkhidmatan dalam kerja harian
- mengenal pasti perhubungan antara pemasaran, operasi dan fungsi sumber manusia
- membangunkan perancangan, pelaksanaan, dan kawalan aktiviti pemasaran serta strategi pemasaran yang diperlukan dalam persekitaran yang kompetitif

JRW 445/4 - PENYELIDIKAN PEMASARAN

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada teknik-teknik penyelidikan pemasaran. Untuk membolehkan pelajar menggunakan kaedah penyelidikan pemasaran, terutamanya analisis statistik.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti maklumat pemasaran dan keperluan penyelidikan pemasaran dalam proses membuat keputusan perniagaan

- menyediakan cadangan penyelidikan untuk memenuhi keperluan kajian
- melaksanakan kajian pemasaran bermula dari pembentukan kajian sehingga ke penulisan laporan
- menganalisis data mengikut teknik statistik yang sesuai

JRP 443/4 - PERLAKUAN PENGGUNA

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai perlakuan pengguna, proses pengguna membuat keputusan dan faktor-faktor yang berpengaruh dalam proses membeli. Beberapa model perlakuan pengguna, dan hasil penyelidikan terkini dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan konsep-konsep yang berkait dengan pengguna, perlakuan pengguna dan isu-isu kepenggunaan
- menjelaskan aktiviti-aktiviti dan strategi-strategi terkini dari perspektif pengguna atau pemasaran

JRP 445/4 - KOMUNIKASI PEMASARAN BERSEPADU

Kursus ini menekankan peranan komunikasi bersepadu sebagai satu kaedah promosi. Pelajar akan didedahkan dengan cara merancang dan melaksanakan promosi. Topik-topik penting meliputi perancangan dan pemilihan media, penggunaan media untuk mempengaruhi perlakuan pengguna, penyediaan copy dan artwork, undang-undang peraturan yang berkaitan promosi.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan proses pemasaran yang menyeluruh
- mengenal pasti isu-isu penting untuk melakarkan promosi yang berkesan

JRP 447E/4 - STRATEGIC MARKETING

This course enhances understanding on strategic marketing management and its relationship with corporate strategy. The techniques in strategic marketing analysis, internal and external situational analysis, strategic marketing models, and marketing strategies are also discussed.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *explain strategic marketing management and its relationship with corporate strategy*
- *develop decision making skills in marketing*
- *relate the concepts and practical aspects of marketing*

| | |
|-----------------------|--|
| KURSUS ELEKTIF | |
|-----------------------|--|

JTW 125/4 - STATISTIK PERNIAGAAN

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kaedah statistik yang lazim digunakan dalam bidang pengurusan dan perniagaan. Meliputi konsep penyampaian data, (kekerapan, histogram, ogif, poligon, min median, julat dan varians), kebarangkalian dan taburan kebarangkalian, (pensampelan dan taburan pensampelan) dan statistik taabiran permulaan bagi satu populasi dan dua populasi (anggaran dan ujian hipotesis). Pelajar juga akan didedahkan kepada analisis korelasi dan regresi, serta penggunaan perisian SPSS dalam menganalisis data.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menyatakan data mentah dalam bentuk jadual kekerapan
- mentafsir data seperti min, median, mod, kuartil, varians dan sisihan piawai serta boleh memapar data dalam bentuk histogram, ogif dan poligon
- menerangkan konsep kebarangkalian
- menyelesaikan hipotesis
- menganalisis data SPSS

JRW 348/4 - PERUNCITAN

Kursus ini meneliti isu-isu pemasaran dalam peruncitan. Ianya membincangkan pengurusan institusi peruncitan (polisi belian, penentuan harga, sistem maklumat pengurusan dan pengurusan jurujual). Kursus ini juga membincangkan pengaruh pengguna, perubahan teknologi dan perubahan struktur perniagaan dalam aktiviti peruncitan.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menghuraikan asas peruncitan
- memerihalkan hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peruncitan perusahaan
- menganalisis proses-proses peruncitan

JTU 396E/4 - E-COMMERCE

This course covers the development of information technology and the e-commerce related technology. This course focuses on developing the web page, application of online transaction and network management.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *explain the application of e-commerce*
- *develop an attractive web page*

JFP 312/4 - KEWANGAN KEUSAHAWANAN DAN MODAL TEROKA

Kursus ini bersetuju mendedahkan kepada para pelajar tentang pengurusan kewangan untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS). Antara isu yang akan disentuh meliputi pembiayaan, teknik-teknik menilai prestasi kewangan, perancangan kewangan jangka pendek dan jangka sederhana, pembiayaan menerusi modal teroka.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan aspek-aspek penting pengurusan kewangan untuk PKS
- menerangkan pengurusan modal teroka sebagai sumber perniagaan yang alternatif
- menganalisis sumber-sumber kewangan yang dimiliki oleh PKS

JKE 512E/4 - PUBLIC SECTOR ECONOMICS

This course analyses the activities of the public sector from the perspective of taxation and government expenditure. Topics to be covered are: concepts and system of taxation, taxation system in Malaysia, principles of taxation, tax incidence, empirical analysis and the weakness of the empirical analysis, tax burden (of export tax, import tax and the tax burden on the poor) and the effect of tax incentives. Topics to be covered under the government expenditures are: various concepts of the growth of government expenditure, Malaysian government expenditure, types of expenditure and its effect.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *apply the basic theoretical and empirical tools of analysis to public policy issues*
- *explain the reasons for market failure, the basic theorems of welfare economics, public good, externalities and the foundation of public choice*
- *evaluate the arguments of the growth of government expenditure both from the public finance and the public choice perspectives*
- *analyze the effects of public expenditure programs on the distribution of income*



**KURSUS
UNIVERSITI**

STAF AKADEMIK : KURSUS UNIVERSITI

Penyelaras : Dr. George Teoh Boon Sai
Cert. Ed. (MPKTBR)
B.A. (Hons), M.A. (USM)
Ph.D. (Cambridge)

Pensyarah : Dr. George Teoh Boon Sai
Cert. Ed. (MPKTBR)
B.A. (Hons), M.A. (USM)
Ph.D. (Cambridge)

Dr. Puvaneswary Murugaiah
B.A. Ed. (Hons), M.Ed. TESOL (USM)
Ph.D. (UKM)

Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin
B. Soc. Sc., M.A., Ph.D. (USM)
Dip. Islamic Counseling (IPI)

Dr. Norhanishah Mohd Yunus
E.Econs. (Hons), M. Econs (UKM)
Ph.D (UPM)

Dr. Nailul Morad Mohd. Nor
Dip. Agric (UPM)
B.Sc. Econs. (Wisconsin)
M.Sc. Econs. (Oklahoma State)
Ed.D. (North Carolina State)

Dr. Wan Afezah binti Wan Abdul Rahman
B.B.A (Northwood)
M.Sc. (Central Michigan)
D.B.A. (Lawrence Tech.)

SENARAI KURSUS UNIVERSITI

| Bil. | Kod/Tajuk Kursus | Asas-Asas Penilaian (%) | | | |
|------|---|-------------------------|--------------|------------|--|
| | | Unit | Kerja Kursus | Pep. Akhir | Asas-Asas Menilai Kerja Kursus |
| 1. | JUU 103 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer | 3 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 2. | JUS 101 - Teras Keusahawanan | 2 | 100 | 0 | 30 P.B. 20 Laporan 30 Pembentangan 20 Tugasan |
| 3. | JUT 101 - Tamadun Islam dan Tamadun Asia | 2 | 40 | 60 | 20 Esei 20 Projek |
| 4. | JUH 101 - Hubungan Etnik | 2 | 60 | 40 | 60 Kerja Lapangan |
| 5. | JUH 102 - Pemikiran Kritis | 2 | 40 | 60 | 20 Tugasan 20 P.B |
| 6. | JUR 101 - Etika Profesional | 2 | 40 | 60 | 20 Tugasan 20 P.B |
| 7. | JUE 100 - Preparatory English | 2 | 60 | 40 | 20 P.B. 20 Tugasan 20 Lisan |
| 8. | JUE 200 - English I | 2 | 60 | 40 | 20 P.B. 20 Tugasan 20 Lisan |
| 9. | JUE 300 - English II | 2 | 60 | 40 | 20 P.B. 20 Tugasan 20 Lisan |
| 10. | JUE 402 - Writing For Professional Purposes | 2 | 40 | 60 | 15 P.B. 25 Tugasan |
| 11. | JUL 301* - Bahasa Malaysia III | 2 | 50 | 50 | 10 Lisan 40 Tugasan |
| 12. | JUL 401 - Bahasa Malaysia IV | 2 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |
| 13. | JUW 106E** - Business Communication | 2 | 40 | 60 | 20 P.B. 20 Tugasan |

P.B. - Peperiksaan Berterusan

*JUL 301 – Hanya untuk pelajar warga emas yang tidak mendapat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

**JUW 106E – Hanya untuk pelajar major Pengurusan sahaja

SINOPSIS KURSUS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS UNIVERSITI

JUJ 103/3 - PENDIDIKAN JARAK JAUH DAN LITERASI KOMPUTER

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar tentang asas yang berkaitan dengan falsafah dan kaedah pendidikan jarak jauh. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan tentang keberkesanan alat komputer dan kemudahan internet sebagai alat pembelajaran terkini bagi pembelajaran jarak jauh. Topik-topik yang dibincangkan termasuklah falsafah dan teori pendidikan jarak jauh termasuk ciri dan pelaksanaan beraneka media khususnya komputer dan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penekanan akan diberikan terhadap kaedah pembelajaran sendiri dan peranan perkhidmatan sokongan dalam sistem pendidikan jarak jauh dan pembelajaran terbuka. Tambahan pula, dengan memperkenalkan beberapa kelebihan komputer dan teknologi maklumat adalah diharapkan bahawa ia akan memudahcarakan kegiatan pembelajaran, penyimpanan maklumat dan penyelidikan bagi pelajar jarak jauh.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran secara pendidikan jarak jauh
- menggunakan kemudahan yang disediakan dalam proses pendidikan jarak jauh
- menggunakan sumber teknologi maklumat dalam pembelajaran mereka

JUS 101/2 – TERAS KEUSAHAWANAN

Kursus ini sebagai kursus ber kredit bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang keusahawanan dan perniagaan, dengan penekanan pelaksanaan kepada aspek belajar sambil mengalami proses melaksanakan projek perniagaan. Kaedah pembelajaran ialah secara syarahan interaktif, amali, penyediaan rancangan perniagaan, pelaksanaan projek keusahawanan dan pembentangan laporan.

Pengalaman amali melalui penglibatan langsung pelajar dalam pengendalian projek perniagaan akan dapat mencetus minat dan memberi gambaran yang lebih jelas tentang dunia keusahawanan. Hasil pembelajaran yang utama ialah akan terdapat penerapan budaya dan amalan murni keusahawanan dalam amalan harian pelajar.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menulis laporan projek atau rancangan perniagaan dalam bidang keusahawanan
- mengenal pasti amalan kerja lapangan dalam bidang keusahawanan
- mengenal pasti hubungan kait antara risiko dan pulangan dalam keusahawanan
- membentangkan laporan projek atau rancangan perniagaan

JUT 101/2 – TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA

Kursus ini merupakan suatu kursus pengenalan ilmu ketamadunan serta interaksi antara pelbagai tamadun (Islam, Cina dan India); Melayu serta peranannya dalam pembinaan tamadun Malaysia. Kursus ini turut membincangkan Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta isu-isu kontemporari tamadun Islam dan Asia

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan konsep tamadun Islam serta interaksi antara pelbagai tamadun
- menerangkan pandangan semesta tamadun Islam dan institusi dalam Tamadun Islam di samping sistem nilainya
- menerangkan cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta kesan hegemoni barat dan globalisasi

JUH 101/2 – HUBUNGAN ETNIK

Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang konsep asas hubungan etnik dan budaya. Meneliti perkembangan hubungan etnik di Malaysia. Memahami masyarakat Malaysia menurut acuan Malaysia dan hubung jalin antara wilayah ASEAN. Memahami dan menangani cabaran dalam hubungan etnik dan budaya di peringkat Malaysia dan Asia. Memperkenalkan para pelajar tentang hubungan etnik menurut perspektif agama.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan pembentukan pluralisme dalam masyarakat Malaysia
- menjelaskan hubung kait antara pembangunan ekonomi dan politik dalam hubungan etnik di Malaysia
- menerangkan pentingnya perpaduan dan integrasi serta cabaran-cabaran dalam hubungan etnik di Malaysia

JUH 102/2 – PEMIKIRAN KRITIS

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan pelajar jarak jauh. Kursus ini akan mendedahkan penggunaan pelbagai teknik dalam pembinaan hujah yang sah dan bernas serta kritikan terhadap hujah yang lemah dan bersifat falasi kepada pelajar. Di samping itu, kursus ini juga akan memberi tumpuan kepada teknik penganalisan dan penilaian hujah dalam petikan, rencana, journal dan bahan bacaan lain.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti teknik-teknik yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis
- menghuraikan teknik kemahiran kritis yang boleh digunakan dalam sesuatu hujah
- menganalisis dan menilai hujah-hujah yang dibentangkan secara kritis
- mengaplikasikan teknik pemikiran kritis dalam membentangkan hujah atau pendapat

JUR 101/2 – ETIKA PROFESIONAL

Kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar dewasa jarak jauh mengenai teori, prinsip dan fungsi etika profesional. Kursus ini juga akan menjelaskan kaitan antara etika dan profesionalisme khususnya aspek tanggungjawab profesional. Selain itu, kursus ini memberi penekanan kepada pelbagai isu etika profesional di tempat kerja.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan konsep asas dan teori etika secara meenyeluruh
- menghuraikan konsep tanggungjawab dalam profesyen
- mengaitkan fungsi etika dengan profesyen serta golongan profesional
- menganalisis pelbagai isu etika profesional

JUE 100/2 – PREPARATORY ENGLISH

This is a foundation course which reinforces and supplements students' skills in the language. It will aid students to acquire the necessary language skills which are vital for their future language development. The teaching of grammar will also be incorporated in the course as it is important in accurate language use.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- *communicate in English language with ease*
- *speak with some degree of clarity, fluency and accuracy*
- *read and comprehend a variety of texts*
- *listen to and comprehend different types of discourse*
- *write with an appropriate degree of skill (with accuracy)*
- *use basic grammar structures correctly*

JUE 200/2 – ENGLISH I

This course is a follow up of JUE 100. This intermediate course focuses on the four language skills – reading, writing, speaking and listening. Students are guided to attain an intermediate level of language proficiency.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- *use English with confidence*
- *speak clearly, fluently and accurately*
- *read and comprehend a variety of texts clearly*
- *listen for information effectively*
- *express views clearly in the written form*
- *use accurate grammar and demonstrate a good range of vocabulary*

JUE 300/2 – ENGLISH II

This course is a follow up of JUE 200. This is an upper intermediate course which focuses on the further development of the four language skills. Students would be exposed to language activities and tasks which would enhance their level of language proficiency.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- *use English with greater confidence*
- *speak with more clarity, fluency and accuracy*
- *read and comprehend a variety of texts with improved understanding*
- *show improved listening comprehension skill*
- *communicate more clearly and convincingly in the written form*
- *use accurate grammar and demonstrate a wider range of vocabulary*

JUE 402/2 – WRITING FOR PROFESSIONAL PURPOSES

This course aims to help students learn how to write for professional purposes. Students will be exposed to the various types of professional writing. These include memorandum writing, letter writing (business letters) and other forms of writing relevant for a professional.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students are able to:

- *write different types of professional documents*
- *write by using the professional writing techniques*
- *choose the right documents–memoranda, minutes of meetings, reports, press releases, advertisements – for different communicative situations*
- *write with appropriate degree of skill (with accuracy)*

JUL 301/2 – BAHASA MALAYSIA III

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang tidak mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat SPM atau yang setaraf dengannya. Kursus ini meliputi beberapa aspek kemahiran berbahasa seperti tatabahasa, kefahaman, karangan, meringkaskan karangan dan komponen sastera. Pelajar wajib lulus kursus ini dengan gred minimum C.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menggunakan tatabahasa yang betul dalam aktiviti lisan dan tulisan
- mengenal pasti isi-isi penting yang terdapat dalam sesuatu teks bacaan, dan
- meringkaskan dan merumuskan hasil sesuatu penulisan dengan baik.

JUL 401/2 – BAHASA MALAYSIA IV

Tumpuan kursus ini adalah dalam bidang tatabahasa, penulisan dan pentaakulan. Dalam tatabahasa, yang menjadi tumpuan ialah penggunaan imbuhan serta struktur frasa dan ayat, dan pada penggunaan kata pemerian yang betul. Imbuhan-imbuhan yang diberi tumpuan ialah imbuhan yang penggunaannya oleh pengguna bahasa sekarang banyak yang salah: -kan, -i, per-...-an, pen-...-an dan -nya. Dari segi struktur, yang dijadikan tumpuan ialah hukum D-M, ayat pasif yang pelakunya ganti nama diri orang pertama dan kedua, ayat songsang dan ayat majmuk seperti ayat yang bermula dengan Apa..., ayat yang kata pancangannya ialah yang mana, di mana dan lain-lain. Dalam bidang penulisan, tumpuan diberikan kepada teknik dan strategi penulisan yang baik - susunan, pengembangan, kepadanan, kesejajaran dan kesatuan - dalam pelbagai bentuk: pemerian, penjelasan, penilaian, laporan, analisis, esei, hujahan, perbincangan, analisis, kritikan dan rujukan.

Dalam aspek pentaakulan yang diutamakan ialah kemahiran menganalisis, mensistesis, menghujah, merumus, dan membezakan sikap dan pendapat daripada fakta dalam penulisan, dan juga keupayaan meneliti unsur-unsur tersebut di dalam teks.

Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menggunakan bahasa Malaysia yang betul dalam penulisan, seminar dan bengkel
- mengaplikasikan teknik serta strategi penulisan yang baik
- menghasilkan pelbagai bentuk karangan: pemerian, penjelasan, penilaian, laporan, esei, hujahan, perbincangan, analisis, kritikan dan rujukan
- menganalisis, mensintesis, dan menghujah berdasarkan sesuatu teks

(FOR STUDENTS MAJORING IN MANAGEMENT ONLY)

Non-Management major students are not allowed to register for this course

JUW 106E/2 – BUSINESS COMMUNICATION

The course includes aspects of oral and non-oral communications in business and consultancy.

Learning Outcomes

Upon completion of this course, students should be able to:

- *describe how professional relationships build through the communication process*
- *build better problem solving and decision making skills*
- *apply principles to shape a business document and become better business communicator*